



## **UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KELANTAN)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
MOHD AZMI MAT NOR  
BEKAS GURU SEKOLAH KEBANGSAAN KUALA KRAI

OLEH:

NUR IZZATI BINTI HANAPI	2017545465
MUHAMMAD AIMAN BIN ANUAR	2017508439

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (SEPT 2014 – JAN 2015)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
MOHD AZMI MAT NOR  
BEKAS GURU  
SEKOLAH KEBANGSAAN KUALA KRAI

OLEH:

NUR IZZATI BINTI HANAPI	2017545465
MUHAMMAD AIMAN BIN ANUAR	2017508439

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2014 – JULAI 2014)

# **PENGHARGAAN**

# PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t. dan salam sejahtera,

Bersyukur kehadrat ilahi kerana dengan izin kurnianya dapat juga kami menyempurnakan tugas bagi subjek pendokumentasian sejarah lisan ini. Sepanjang menjalankan kerja kursus ini, kami telah memperoleh pelbagai pengalaman sama ada pahit maupun manis yang amat berharga dan bermakna dalam hidup kami sebagai seorang pelajar. Pengalaman yang kami perolehi sepanjang menjalankan tugas ini mungkin hanya akan datang sekali sahaja dalam hidup kami.

Justeru itu, kami juga telah memperolehi pelbagai maklumat dan pengetahuan dengan lebih terperinci lagi berkaitan tugas iaitu menemuramah Encik Mohd Azmi Mat Nor selaku bekas guru di Sekolah Kebangsaan Kuala Krai. Di kesempatan ini, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sepanjang menjayakan tugas ini. Terutamanya kepada pensyarah kami iaitu, Madam Nurulannisa binti Abdullah kerana beliau telah banyak memberikan tunjuk ajar kepada kami sepanjang menjalankan tugas ini. Tunjuk ajar beliau amat membantu kami dalam usaha menyempurnakan tugas yang telah diamanahkan ini.

Oleh itu, kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada ahli keluarga kami yang telah banyak memberi sokongan moral dan bantuan kewangan bagi menyelesaikan tugas ini. Selain itu, kami turut berterima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan kami kerana telah banyak menghulurkan bantuan dan kerjasama bagi merealiasasikan usaha menyempurnakan tugas ini dengan jayanya. Ucapan ini juga ditujukan kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan tugas ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Segala bantuan yang telah anda hulurkan amatlah kami hargai kerana tanpa bantuan dan sokongan anda semua, tugas ini tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Sekian, terima kasih.

# **ABSTRAK**

## **ABSTRAK**

**Abstrak:** Temubual ini adalah antara bekas guru Sekolah Kebangsaan Kuala Krai, Encik Azmi Mat Nor dan pelajar Fakulti Pengurusan Maklumat, Nur Izzati binti Hanapi dan Muhammad Aiman bin Anuar. Temubual ini mengandungi temubual bersama Encik Azmi bin Mat Nor mengenai pengalaman dan pengetahuan beliau tentang sejarah bangunan Sekolah Kebangsaan Kuala Krai semasa mengajar di sekolah tersebut. Transkrip temubual ini telah dijalankan di rumah beliau di PT 1254, Kg Air Terjun Tok Bali, Kelantan pada 10 Mei 2019 bermula jam 8.47 pagi hingga 11.30 pagi. Beliau merupakan bekas guru di Sekolah Kebangsaan Kuala Krai dan juga merupakan salah seorang mangsa banjir besar yang telah melanda Kelantan pada tahun 2014. Sekolah Kebangsaan Kuala Krai juga merupakan salah sebuah bangunan yang dilanda banjir besar tersebut. Temubual ini menumpukan pada sejarah bangunan sejak penubuhan dan ciri-ciri bangunan tersebut yang mampu menahan banjir besar Kelantan 2014.

**Kata kunci:** Encik Mohd Azmi Mat Nor, Sekolah Kebangsaan Kuala Krai, sejarah bangunan, banjir besar Kelantan.

# **ISI KANDUNGAN**

# **ISI KANDUNGAN**

<b>TAJUK</b>	<b>MUKA</b>
	<b>SURAT</b>
Penghargaan.....	i
Abstrak.....	ii
Isi Kandungan.....	iii
Biodata Tokoh.....	iv
Pengenalan.....	v
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	02
Bahagian 2: Sejarah Pendidikan .....	03
Bahagian 3: Pengalaman Pekerjaan.....	09
Bahagian 4: Latar Belakang Sekolah.....	17
Bahagian 5: Maklumat Mengenai Bangunan.....	24
Bahagian 6: Reka Bentuk Bangunan.....	27
Bahagian 7: Aktiviti Dan Perkhidmatan.....	29
Bahagian 8: Maklumat Anugerah Dan Kejayaan.....	30
Bahagian 9: Pengalaman Banjir.....	31
Bahagian 10: Pesanan Dan Harapan.....	44
Rujukan.....	53
Lampiran	
Gambar.....	49
Log Wawancara.....	52
Diari Kajian.....	58
Senarai soalan.....	63
Surat Perjanjian.....	71

Indeks.....	72
-------------	----

# **BIODATA TOKOH**

## **BIODATA TOKOH**

Nama : Encik Mohd Azmi bin Mat Nor  
Umur : 50 tahun  
Tarikh lahir :  
Tempat lahir :Bachok, Kelantan  
Status : Kahwin  
Tempat tinggal: Kelantan  
Nama ayah  
Nama ibu  
Pendidikan : Sekolah rendah - Sk Jelawat, 16070, Bachok,  
                  Kelantan : Sekolah menengah - SM Jelawat 16070,  
                  Bachok, Kelantan - SM Bachok, 16300, Bachok, Kelantan  
                  : Universiti - Open University Malaysia  
Kerjaya : Guru  
Hobi : Berkebun

# **PENGENALAN**

## **PENGENALAN**

Kami telah mendapat tugas daripada pensyarah yang mewajibkan untuk mencari bangunan bersejarah di dalam negeri Kelantan. Tugas ini meliputi menemubual tokoh dan transkripkan segala percakapan di dalam bentuk bertulis atau dalam erti nama lain iaitu sejarah lisan. Sejarah lisan adalah satu kaedah di mana kenangan seseorang tokoh yang dirakamkan secara wawancara. Tokoh-tokoh dipilih biasanya terdiri daripada mereka yang dapat menyumbang maklumat bersejarah dari penglibatan dan pengalaman diri mereka sendiri, atau oleh kerana perhubungan mereka secara langsung dengan watak, masa atau peristiwa tertentu.

Maklumat yang diperolehi dari wawancara tersebut kemudiannya disalin dan salinan itu selepas disemak dan ditaip dapat digunakan sebagai bahan pengajaran dan penyelidikan. Oleh itu, kami telah memilih bangunan bersejarah Sekolah Kebangsaan Kuala Krai dan Encik Mohd Azmi bin Mat Nor sebagai tokoh untuk tugas ini. Beliau bekerja sebagai Guru Besar di Sekolah Kebangsaan Chantum. Encik Mohd Azmi bin Mat Nor juga merupakan mangsa banjir yang telah melanda di Sekolah Kebangsaan Kuala Krai. Banjir tersebut merupakan banjir terbesar yang telah melibatkan banyak kemasuhan dan kerugian pada bangunan, harta benda kepada mangsa-mangsa yang terlibat. Namun begitu, Sekolah Kebangsaan Kuala Krai merupakan salah sebuah bangunan yang masih kukuh berdiri setelah banjir besar tersebut. Beliau mempunyai pengalaman semasa banjir tersebut kerana banjir tersebut berlaku ketika beliau mengajar di Sekolah Kebangsaan Kuala Krai.

Pengalaman mengajar di sekolah tersebut memberi kesan yang mendalam kepada beliau bahawa pentingnya bangunan sekolah tersebut kepada dirinya, masyarakat setempat dan negara. Beliau berharap akan lebih ramai lagi sedar tentang kepentingan bangunan Sekolah Kebangsaan Kuala Krai dalam menyalurkan pendidikan kepada murid-murid yang memerlukan. Beliau harap Sekolah Kebangsaan Kuala Krai akan lebih diketahui umum di media massa tentang kejayaan dan kelebihannya sepanjang penubuhan sekolah tersebut.

# **TRANSKRIP**

# **TRANSKRIP**

Berikut merupakan temubual sejarah lisan yang telah dijalankan oleh Muhammad Aiman Bin Anuar dan Nur Izzati Binti Hanapi bersama cikgu Mohd Azmi Mat Nor yang sekarang merupakan Guru Besar di Sekolah Kebangsaan Chantum, Bachok, Kelantan. Temubual ini dijalankan pada 10 Mac 2019, bersamaan hari Jumaat di rumah beliau. Temubual yang dijalankan adalah mengenai sejarah bangunan di Sekolah Kebangsaan Kuala Krai.

Petunjuk:

EA : Encik Mohd Azmi Mat Nor  
MA: Muhammad Aiman bin Anuar

## **Bahagian 1: Latar Belakang Orang Ditemubual**

MA Apakah nama penuh cikgu?

EA Nama penuh saya Mohd Azmi Bin Mat Nor. *Okay* [baik].

MA Bolehkah cikgu ceritakan tentang pekerjaan sebagai cikgu subjek apa?

EA Saya mengajar matematik, subjek Matematik mengikut *option* [pilihan] lah dan sekarang *ni* [ini] masih lagi mengajar Matematik, tahun Matematik Tahun 4. *Okay* [baik].

MA Bolehkah cikgu ceritakan tentang sejarah latar belakang keluarga cikgu seperti nama ibu ayah cikgu dan cikgu anak yang ke berapa?

EA *Okay* [baik]. Terima kasih. Saya. Ayah saya telah meninggal lama dia

dan saya merupakan anak yang keempat [4] daripada sembilan [9] adik-beradik.

MA Bolehkah cikgu ceritakan lebih lanjut tentang adik beradik cikgu?

EA Okay. Dalam sembilan [9] adik-beradik saya anak yang keempat [4], jadi yang bekerja sebagai pegawai kerajaan, adik saya Nor Laila seorang guru juga sekali mengajar di SK Chiku Tujuh (Sekolah Kebangsaan Chiku 7). Yang lain-lain bekerja swasta dan bekerja sendiri lah.

MA Dimanakah tempat tinggal cikgu sekarang dan mengapa cikgu membuat keputusan

untuk terus menetap di tempat tersebut?

EA Sekarang ni saya menetap di .Kerana ini merupakan tanah pemberian arwah ayah saya dan juga kawasan yang sesuai lah berhampiran dengan jalan raya dan banyak kemudahan, berhampiran dengan Pasir Putih, berhampiran dengan Bachok. Jadi kawasan di rumah saya ni merupakan tengah-tengah lah antara Bachok dan Pasir Putih. Terima kasih.

MA Dari manakah cikgu berasal?

EA Saya berasal dari Bachok cuma menetap di sini sebab pemberian tanah daripada arwah tadi lah

MA Apakah hobi cikgu pada waktu lapang?

EA Alhamdulillah, untuk masa *ni* [ini] memang tak lapang lah berdasarkan bidang tugas. Namun kesukaan saya ataupun minat saya lebih suka menanam tumbuh-tumbuhan yang berada di sekeliling. *Ni* [ini] semua hasil daripada tanaman hasil tangan lah. Mungkin itu sebabnya saya memilih kawasan Tok Bali *ni* [ini] kebetulan tanahnya luas boleh menanam.

MA Siapakah idola cikgu, dan ceritakan lebih lanjut kenapa cikgu memilih dia sebagai idola cikgu?

EA *Okay* [baik]. Terima kasih. Idola saya kerana saya merupakan cikgu. Pernah saya memilih idola *ni* [ini] ialah guru besar, mantan guru besar SK Jelawat (Sekolah Kebangsaan Jelawat) Tuan Haji Mat Rudin. saya tertarik dengan beliau kerana

mempunyai dari segi perancangan kerja dan juga tindakan yang tegas lah sebagai seorang pentadbir memang perlu kepada ketegasan.

### **Tamat Bahagian 1**

#### **Bahagian 2: Sejarah Pendidikan**

- MA Mengenai sejarah pendidikan cikgu, bolehkah cikgu ceritakan mengenainya seperti dimana cikgu bersekolah dan nama sekolah yang cikgu pernah menuntut?
- EA Terima kasih. Sejarah pendidikan saya bermula daripada sekolah rendah iaitu Sekolah Rendah Kebangsaan Jelawat (Sekolah Kebangsaan Jelawat) yang berhampiran dengan rumah sayalah, rumah asal saya lebih kurang tak sampai satu [1] *kilo* [kilometer] lah. Saya pergi ke sekolah pun boleh jalan kaki masa jadi saya melanjutkan pelajaran ke Sekolah Menengah Jelawat (Sekolah Menengah Kebangsaan Jelawat) berhampiran dengan sekolah rendah (Sekolah Kebangsaan Jelawat) juga di Jelawat dan untuk melanjutkan lagi pelajaran saya ke SM Bachok (Sekolah Menengah Kebangsaan Bachok) tingkatan enam dan seterusnya Alhamdulillah saya mendapat pendidikan ijazah yang pertama di Open University (Open University Malaysia) lah. Itu pun selepas saya mengajar pendidikan secara *PJJ* [pendidikan jarak jauh]. Okay [baik]. Terima kasih.
- MA Adakah cikgu aktif melibatkan diri semasa sekolah dahulu?
- EA Alhamdulillah penglibatan semasa di sekolah memang boleh kira aktif juga lah seperti contohnya pernah mewakili sekolah sebagai pemain bola sepak dan juga dari segi unit beruniform nya terlibat dengan pengakap.

- MA Bolehkah cikgu ceritakan serba sedikit tentang keadaan pendidikan semasa cikgu bersekolah dahulu?
- EA *Okay* [baik]. Terima kasih. Semasa pendidikan dahulu berbanding pendidikan hari *ni* [ini] memang orang kata *dulu* [dahulu] memang kita mengharapkan cikgu semata-mata. Sokongan dan dorongan motivasi yang diberi oleh guru merupakan aset yang penting kerana berbanding sekarang *ni* [ini] kerana kemudahan masa *tu* [itu] memang terhad berbanding sekarang. Jadi kalau yang betul-betul berjaya *ni* [ini] pelajar yang mempunyai jati diri yang kukuh. Itulah sumbangan cikgu yang begitu penting.
- MA Soalan seterusnya, apakah pengalaman yang paling cikgu tidak dapat lupakan semasa di alam persekolahan?
- EA Terima kasih. Jadi banyak yang tak pengalaman orang kata dilalui oleh semua cuma yang tidak dapat dilupakan oleh saya ialah pengorbanan cikgu lah, pernah satu masa saya menumpang kereta cikgu kerana keluarga yang miskin untuk ke SM Bachok (Sekolah Menengah Kebangsaan Bachok) sekarang *ni* (ini) arwah dan kita ucapkan terima kasih kepada beliau dan jasa beliau begitu penting dan banyak kepada saya dia kerana dialah saya dapat mengenal dunia dari beliau dan cikgu *ni* [ini] Cikgu Muhammad Nor. Arwah Muhammad Nor. Beliau banyak berjasa masa *tu* [itu] dia mengajar di SM Bachok (Sekolah Menengah Kebangsaan Bachok). Dia pernah tumpangkan saya untuk ke sekolah dan sebelum ditempatkan di asrama lah. Jadi di samping itu juga beliau banyak memberi motivasi dan tunjuk ajar bagaimana untuk meneruskan hidup sebagai contoh pengalaman menerima ataupun mengalami temuduga *ni* [ini] memang banyak dikongsi bersama oleh beliau. Jadi sama-sama kita ucap Al-

fatihah.

- MA Bagaimana pula dengan matapelajaran cikgu minati semasa di sekolah maksud kami cikgu dalam aliran apa dan matapelajaran yang paling cikgu minati?
- EA Semasa di sekolah saya minat boleh katakan semua lah cuma yang lebih berkaitan dengan Matematik saya kaitkan juga dengan cikgu pada peringkat awalnya memang Matematik satu subjek yang sukar bagi saya. Jadi kerana dorongan dan juga orang kata bantuan daripada Cikgu Roslan SMK Jelawat (Sekolah Menengah Kebangsaan Jelawat) dia dapat menarik minat pelajar semasa tu dengan hanya bermain bola dalam permainan bola. Selepas bermain bola kita berehat dan diadakan perbincangan maksudnya dia tanya khabar dan dia pergi kaedah-kaedah tips bagaimana nak belajar Matematik. Secara tak langsung, walaupun kita berada di padang maksudnya masa rehat sentuhan menyebabkan kita semakin minat untuk belajar. Jadi Alhamdulillah daripada saya tak ada pangkat Sembilan *tu* [itu]. Untuk SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) dapat pangkat enam. Kredit lah. Maksudnya dengan kepujian. Dan saya terharu lah dan beliau masih ada Cikgu Roslan dan saya masih berhubung dengan beliau. Terima kasih.
- MA Kami difahamkan cikgu telah menyambung pelajaran, bolehkah cikgu ceritakan sedikit tentang mengenainya.
- EA Terima kasih setelah saya dalam bertugas lagi saya cuba meningkatkan kerjaya lah dengan meningkatkan prestasi pencapaian akademik jadi saya mengambil langkah melibatkan dengan Open Universiti (Open University Malaysia) lah sebab Open Universiti (Open University Malaysia) dia bagi peluang pada hari hujung minggu untuk

hadir kelas dan juga dia punya sistem pembelajaran tidak membebankan kita lah. Pada masa tu saya cubalah orang kata terlibat dengan Open Universiti (Open University Malaysia) dan mengambil cabaran dan kursus yang saya ambil bidang memang berkaitan mencabar juga iaitu *IT* [Teknologi Maklumat] teknologi maklumat.

- MA Pada pandangan cikgu apakah peluang pekerjaan yang berkaitan dengan bidang pengajian yang cikgu pilih itu?
- EA Memang *IT* [Teknologi Maklumat] sekarang ni memang satu keperluan kepada semua cikgu yang meningkat kerjaya Walaupun dari segi pelajar kita dan Teknologi Maklumat *ni* [ini] sentiasa berkembang sentiasa berubah. Pada Masa *tu* [itu] saya ambil pendidikan Teknologi Maklumat untuk menyediakan diri untuk cabaran-cabaran pendidikan masa kini.
- MA Sepanjang di universiti adakah cikgu aktif melibatkan diri dengan aktiviti anjuran universiti?
- EA Kerana kami dianggap --- Saya tidak terlibat secara aktif. Kami hanya hadir kelas pada hari minggu sahaja. Jadi yang kami aktif boleh kata hadir kelas dan juga kalau aktiviti sosial macam *ni* [ini] memang tidak terlibat langsung dan kami memang hadir kelas sahaja untuk dapatkan kredit ijazah pertama.
- MA Sepanjang cikgu belajar di sana pernahkah cikgu mendapat sebarang anugerah?
- EA Tidak pernah. Makna dari segi anugerah macam anugerah dekan memang *tough* [sukar] sungguh untuk dapatkan anugerah dan kita *just* [hanya] untuk dapatkan kelayakan untuk

dapatkan ijazah.

MA Apakah pengalaman yang paling cikgu tidak dapat lupakan semasa menuntut di universiti tersebut?

EA Jadi pengalaman *tu* [itu] sama juga bila kita berada di universiti *ni* [ini] memang kita kena buat kerja kumpulan. Jadi pengalaman yang tak dapat dilupakan adalah menyiapkan tugas. Pernah satu ketika, saya dibantu oleh isteri yang begitu memahami tugas sehingga tidak pernah tidur malam. Satu malam memang tak tidur untuk siapkan tugas dan satu tugas yang diberi oleh pensyarah memang kami siapkan dalam masa satu hari yang memerlukan masa yang panjang disebabkan aktiviti dan kekangan. Kerja lagi. Jadi kita terpaksa korban walaupun tak tidur satu malam memang tugas yang diberi siap pada masa dan tarikh yang ditetapkan. Pada malam *tu* [itu] memang saya daripada pagi, daripada pukul lapan malam sampai pukul enam pagi. Sudah sembahyang subuh *tu* [itu] memang untuk hadir kelas untuk buat pertemuan tiba-tiba yang diberi oleh kami memang siap.

MA Setelah tamat ijazah adakah cikgu melanjutkan lagi pelajaran?

EA *Okay* [baik]. Terima kasih. Dari segi kelayakan saya rasa untuk ijazah kelas pertama (Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama) memang sudah tercapai dan dari segi untuk buat *Master* [Ijazah Sarjana] dan *PHD* [Ijazah Kedoktoran], Saya rasa cukup setakat ini. Sebab saya akan bagi peluang kepada anak-anak saya yang masih lagi belajar. Jadi tahniah lah anak sulung saya sudah baru habis *je* [sahaja] untuk ijazah (Ijazah Sarjana Muda) dia dan anak bongsu saya masih lagi dalam proses pengajian peringkat diploma

di UiTM (Universiti Teknologi Mara) juga cuma di Puncak Alam.

MA Apakah prinsip hidup cikgu?

EA *Okay* [baik]. Terima kasih. Prinsip hidup kita mudah *saja* [sahaja], kita jangan menyusahkan orang lain cuba sedaya upaya untuk kita bantu menyelesaikan semua masalah dan apa yang penting ialah bila kita kerja berkumpulan ada kerjasama kita wujudkan kerjasama untuk selesaikan masalah.

## **Tamat Bahagian 2**

### **Bahagian 3 : Pengalaman Pekerjaan**

MA Dari segi pengalaman pekerjaan adakah cikgu bekerja selepas tamat pengajian?

EA Okay terima kasih. Saya nyatakan tadi bahawa saya bertugas dan saya menyambung pelajaran cuma pengalaman bekerja saya, macam biasalah. Cuma dari segi pengalaman cikgu biasa, saya dinaikkan pangkat kepada dipanggil jurulatih utama iaitu jurulatih *ni* [ini] untuk memberi bimbingan kepada cikgu-cikgu dan tunjuk ajar kepada cikgu-cikgu. Dan dari situlah mungkin pengalaman saya dalam jurulatih utama di peringkat sehingga Kebangsaan untuk Zon Timur dipanggil jurulatih *abacus* [sempoa] iaitu sempoa. Jadi kami ada enam orang di Kelantan yang terpilih untuk melatih cikgu-cikgu tahap satu daripada tahun satu, tahun dua, tahun tiga di peringkat Zon Timur dan kami ditempatkan di Maktab Perguruan Kota Bharu sebagai pusat operasi dan selama tiga tahun kami dilatih juga dan sambil memberi tunjuk ajar kepada semua cikgu untuk Zon Timur. Jadi Alhamdulillah daripada situlah mungkin pengalaman kami --- Saya pernah ditawarkan untuk jawatan fasilitator di PPD (Pejabat Pendidikan Daerah) Bachok. Jadi

saya berkhidmat lebih kurang lima tahun dan saya melanjutkan pelajaran lagi untuk pengurusan bidang *MPKRS* [Asas Pelayanan Minimum Pengurusan dan Pentadbiran] dan alhamdulillah pada 2017 saya dilantik sebagai guru besar yang sekarang ni bertugas di SK Chantum (Sekolah Kebangsaan Chantum).

MA Dimanakah cikgu bekerja dahulu masa pekerjaan pertama?

EA *Okay* [baik]. Terima kasih. Pekerjaan pertama semasa jadi cikgu *ni* [ini] kita ditugaskan di beberapa tempat. Penempatan pertama di SK (sekolah kebangsaan) pada 1995 di SK Kota Perdana (Sekolah Kebangsaan Kota Perdana) Muadzam Shah Pahang. Jadi disana, saya diamanahkan oleh guru besar untuk mengajar Bahasa Melayu. Jadi terlibat di sana, bila nama Kota Perdana tetapi tempatnya memang di kawasan ladang dan saya mengajar hampir separuh daripadanya murid asli. Tapi apa yang saya kata tadi kerjasama di antara rakan dan juga ingin menunjukkan orang kata membantu anak didik walaupun dalam masa 3 bulan. Sebab pengajaran tu Alhamdulillah 100 peratus anak murid saya boleh membaca walaupun asli (peribumi). Bayangkan ya. Jadi begitu orang kata perlu kepada kesabaran dan komitmen dalam mengajar anak. Biasa tak ada masalah orang bangsa Melayu tapi ini bangsa asli yang kita katakan yang begitu cabarannya lebih tinggi daripada mendidik anak bangsa yang lain. Jadi seterusnya, macam mana tadi? Perkerjaan pertama kan? Lepas *tu* [itu] saya daripada SK Kota Perdana (Sekolah Kebangsaan Kota Perdana) tadi saya ke SK Keratong 8 (Sekolah Kebangsaan LKTP Keratong 8), Keratong 8 Muadzam juga, sekolah kawasan Felda. Lepas setahun kebetulan rezeki kami berkahwin dapat anak yang sulung *ni* [ini] dan saya masih berulang daripada Jelawat, Bachok *ni* [ini] ke Muadzam. Jadi lebih kurang

setahun lebihlah saya berulang dengan bas. Jadi buat pemohonan untuk tukar. Alhamdulillah permohonan saya diterima dan saya ditempatkan di SK Kuala Krai (Sekolah Kebangsaan Kuala Krai). Di SK Kuala Krai (Sekolah Kebangsaan Kuala Krai) saya bertugas lebih kurang lapan tahun. SK Kuala Krai (Sekolah Kebangsaan Kuala Krai) saya dicalonkan untuk jurulatih utama *abacus* [sempoa].

MA Berapa tahun pengalaman cikgu semasa bekerja?

EA Pengalaman cikgu semasa bekerja daripada 93 sampai sekarang *ni* [ini]. Lebih kurang 25 tahun lah.

MA Apakah jawatan yang cikgu pegang sewaktu mula bekerja dahulu?

EA Mula-mula bekerja, disebabkan sekolah yang kecil jadi banyak bidang kita terpaksa akur atau ikut. Yang biasa di sekolah *ni* [ini] sebagai ketua panitia kerana sekolah kecil dalam penglibatan boleh kata cikgu semua ada jawatan. Jawatan khas selain daripada *tu* [itu] macam ketua panitia, ketua unit uniform, jadi jawatan seseorang cikgu sampai lima jawatan kepada tugas-tugas sampingan. Disamping *tu* [itu] daripada tugas-tugas hakiki kita mengajar lah.

MA Seterusnya, bagaimanakah cikgu boleh bekerja di sini?

EA Alhamdulillah, sekarang *ni* [ini] saya bertugas di SK Chantum (Sekolah Kebangsaan Chantum). Jadi bila sudah melepas 10 tahun, Jabatan Pendidikan Kelantan (Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan) bagi peluanglah pada cikgu-cikgu untuk bertugas. Orang kata memilih tempat sebab SK Kuala Krai (Sekolah Kebangsaan Kuala Krai) memang

sekolah diklasifikasikan sebagai sekolah luar bandar kerana di Kuala Krai juga SK Kuala Krai (Sekolah Kebangsaan Kuala Krai) ada pelajar-pelajar daripada asli (peribumi). Selepas 8 tahun duduk di Kuala Krai, saya cuba memohon untuk balik ke daerah Bachok dan Alhamdulillah sekarang ni saya ditempatkan di SK Chantum (Sekolah Kebangsaan Chantum).

MA Adakah tugas sebagai guru ini menjadi cita-cita cikgu dan mengapa?

EA Ya betul. Jadi Alhamdulillah peringkat awal pada masa tu memang kita tak tahu lah apa yang kita *nak* [mahu] jadi *dak* [kan] cuma kita belajar. Cuma apa yang kita nampak apa yang berlaku ada di sekeliling kita. Jadi pada masa *tu* [itu] kita ke sekolah kita cuma nampak cikgu. Kita *nak* [mahu] jadi cikgu. Kita nampak polis kita *nak* [mahu] jadi polis. Kita nampak Bomba kita *nak* [mahu] jadi Bomba. Jadi Alhamdulillah mungkin berkat doa ibu saya, saya *ni* [ini] suka makan ayam dia kata. Kalau nak makan ayam *tu* [itu] kita kena ada duit lah. Kena kerja *dak* [kan]. Jadi kena belajar bersungguh-sungguh lah dia kata. Jadi *by* [dengan] *hope* [harapan] memang saya kata berkat dari ibu, mungkin orang kata Allah taala bagi keluarga saya dapatlah jadi cikgu.

MA Apakah bidang tugas cikgu disini?

EA Semasa di Kuala Krai, saya sebagai ketua panitia. Saya juga dilantik sebagai pemeriksa kertas Matematik tahun enam UPSR (Ujian Pencapaian Sekolah Rendah). Selain itu, saya juga diamanahkan oleh PPD (Pejabat Pendidikan Daerah) untuk menjadi jurulatih utama jugalah di peringkat PPD untuk melatih cikgu-cikgu yang baru di Daerah Kuala Krai. *Ni* [ini] sentiasa cikgu barulah sebab cikgu-cikgu lama *nak* [mahu] balik kampung

jadi JPN (Jabatan Pendidikan Negeri) pun hantar cikgu-cikgu baru jadi kerana mungkin saya *dah* [sudah] lama sikit di Kuala Krai melepas 5 tahun. PPD (Pejabat Pendidikan Negeri) pun pilih calon untuk jadi jurulatih. Jadi bidang Matematik di beri keutamaan sebagai jurulatih terutamanya bila saya jadi pemeriksa kertas jadi saya berkongsilah pengalaman sebagai pemeriksa dengan cikgu-cikgu dan juga buatlah teknik menjawab. Teknik menjawab kertas Matematik bagi pelajar-pelajar sebab pada masa itu di Kuala Krai *ni* [ini]. Daerah Kuala Krai disatukan dengan PPD (Pejabat Pendidikan Daerah) Gua Musang. Jadi kita kekurangan pakar, PPD (Pejabat Pendidikan Daerah) mengambil inisiatif melantik cikgu-cikgu yang pengalaman sikit macam saya sebagai jurulatih atau dipanggil JU (jurulatih utama) lantikan PPD. Jadi dari situlah saya dapat, orang kata, selain daripada mencurahkan bakti saya dapat kenal sehingga Perasu sehingga ke Gua Musang. Termasuk Tengku Fakri bekerjasama dengan Felda jadi di situlah saya dapat mengenali dalam masyarakat Felda.

- MA Boleh cikgu ceritakan tentang pencapaian tertinggi yang cikgu perolehi semasa bekerja disini?
- EA Alhamdulillah. Jadi sehingga hari ini jawatan tertinggi di bidang perguruan ialah guru besar bagi sekolah rendah dan pengetua bagi Sekolah Menengah jadi Alhamdulillah pada tahun lepas saya dilantik sebagai guru besar selepas mengikuti kursus NQPEL (Program Kelayakan Professional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan). Jadi NQPEL (Program Kelayakan Professional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan) *ni* [ini] diberi ataupun dipilih dicadangkan oleh KPPD (Ketua Pegawai Pendidikan Daerah) untuk kepada cikgu-cikgu yang orang kata mempunyai pengalaman dan komited untuk

meneruskan perjuangan dalam bidang pendidikan. Jadi Alhamdulillah, salah seorangnya ialah saya. Jadi di Bachok *ni* [ini], saya dicalonkan dan dipilih untuk jawatan guru besar. Setelah habis kursus pada tahun 2017, juga rezeki saya Allah Taala bagi permudahkan dengan kata tak masuk bulan dua 2018, saya dilantik menjadi guru besar dan dilantik juga di Daerah Bachok. Ada di kalangan rakan-rakan saya yang dilantik di Daerah Gua Musang walaupun duduk di Bachok, tapi dilantik di Gua Musang jadi terpaksa berpindah. Jadi rezeki saya alhamdulillah rezeki Allah *tu* [itu] memang ditempatkan di Bachok dan lahir juga di Bachok dan berbakti kepada masyarakat Bachok.

- MA Sebelum menceburi cikgu perguruan, apakah bidang lain yang cikgu ceburi dalam bidang kerjaya?
- EA Selepas tamat tingkatan enam, saya mengambil masa untuk temuduga. Kebetulan saya menghadiri temuduga terbuka di Kota Bharu yang dianjurkan oleh Proton. Pergi pun atas kita suka-suka tak minat kerja *ni* [ini] kebetulan mengikut kawan jadi kawan ajak pergi Kota Bharu. *Okay* [baik] pergi temuduga yang penting bagi saya ialah pengalaman *tu* [itu] sebenarnya tapi bila saya hadir ke temuduga untuk jawatan *operator* [pengendali] pengeluaran dikilang di negeri yang dikehendaki. Masa tu memang saya baru sikit tapi walaupun saya sudah ada sijil SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) kelayakan kerja untuk kilang *ni* [ini] ialah SRP (Sijil Rendah Pelajaran) dan saya hadir temuduga terbuka tadi di Kota Bharu di Hotel Perdana. Masih saya ingat lagi hanya membawa sijil SRP (Sijil Rendah Pelajaran) dan bila sesi temuduga dijalankan memang saya beritahu saya tak sambung pelajaran. Jadi, di sini, kenapa saya berbuat demikian tak

mempamerkan hakikat sebenar, cerita sebenar. Kerana sebelum tarikh temuduga saya *ni* [ini] saya bertemu dengan rakan yang mempunyai kelayakan diploma tapi bila *interview* [temuduga] pada masa itu ditolak. Bila ditolak sebenarnya saya berfikir, kalau saya beritahu SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) memang saya pun ditolak kelayakan untuk *operator* [pengendali]. Masa tu ialah SRP (Sijil Rendah Pelajaran) *saja* [sahaja] yang dibawa semasa temuduga apa dengan *result* [keputusan] yang baik macam *ni* [ini] tak sambung sampai SPM (Sijil Pelajaran Malaysia). Contohnya, jadi saya datang, saya bagi alasan saya punya sembilan adik beradik yang ramai pada masa *tu* [itu] kita tak mampu nak sambung ke sekolah menengah yang lebih tinggi jadi saya setakat setakat SRP (Sijil Rendah Pelajaran). Jadi bagaimana saya pun dihubungi oleh pembukaan kilang Proton untuk temuduga jadi *operator* [pengendali] untuk bertukar bekerja sebagai *operator* [pengendali] Proton. Saya menduduki pencapaian sehingga pada masa tu ialah STPM (Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia) baru habis STPM (Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia). Jadi maksudnya apa yang saya ambil *tu* [itu] betul jadi dari situ saya bermulanya kerjaya sebagai *operator* [pengendali] pengeluaran kilang yang memerlukan pekerja ramai untuk beroperasi sehingga dua sesi pada masa tu. Jadi Alhamdulillah saya *operator* [pengendali] dibahagian enjin. Jadi saya bekerja selama lebih kurang 3 tahun sebelum menceburi bidang pendidikan. Apa yang saya *nak* [mahu] kongsi selama bekerja pengalaman ataupun budaya yang boleh saya kongsikan dengan rakan-rakan ialah Islam mementingkan kebersihan dan keselamatan. Dalam bahasa Jepun, memang masa di situ memang terbaiklah ada mana sebelum budaya Jepun *ni* [ini] yang yang boleh kita contohilah. Sebelum melakukan aktiviti atau pun senang kerja kita mesti menyediakan diri kita untuk bekerja dengan lebih kuat. Contoh, kita

mengadakan senaman ringan selama tiga hingga lima minit sebelum kerja jadi kita menyediakan tubuh badan kita *ni* [ini] untuk bekerja dengan kata lain supaya tidak menimbulkan kerosakan pada organ-organ kita. Itulah memang yang saya rasa semua pihak patutlah di terutamanya kalau di bidang pendidikan. Cikgu-cikgu fikirlah sebelum melakukan aktiviti memanaskan badan 10 hingga 5 minit sama dengan kata lain. Memanaskan badan jadi yang pertama. Yang kedua dari segi masuk bertugas, di Proton kualiti masa ketepatan masa, *ni* [ini] saya nak kongsi. Kalau kita mengadakan mesyuarat biasanya kita nak pukul lapan setengah, tapi budaya Jepun tidak sebab itu ketepatan masa dia katakan yang kita dengar nak mesyuarat bermula lapan, tiga minit sebelum lapan dah ada. Tapi tiga minit pukul lapan tak ada orang lagi. Semua sudah ada maksudnya memang dia (Jepun) tepat. Budaya Melayu berlawanan dengan Jepun. Betul-betul cuba kita tengok sekarang, Jepun semua tiada masalah. Jadi walaupun lewat satu minit lepas *tu* [itu] bila terlepas satu jangkamasa jadi begitu pentingkan masa. Itu kata budaya dan disiplin orang Jepun memang terbaiklah dan boleh jadi pengajaran kepada kitalah. Yang ketiga, saya rasa boleh kita berkongsi juga ialah budaya kerja *ni* [ini], begitu teliti contohnya dari segi kita sebelum melakukan kerja saya dibahagian ini kita terpaksa *check* [periksa] dulu [dahulu] hasil kerja yang dilakukan. Pemasangan yang datang yang dibuat oleh kita sebelum kita melakukan pemasangan bahagian kita dan untuknya sekiranya berlaku ketidakakururan ataupun kesilapan. Memang silap tak ada, tapi kalau tidak kerana contoh nat perlu diikat dengan sebanyak lima *kilo* [kilogram]. Tapi kalau kita tak tahu, dia ada stok sebagai ukuran yang tepat sekali supaya tak berlakunya kesilapan tadi. Jadi begitu pun tempat ini ialah budaya kerja sama orang lain dulu [dahulu] kerja lepas *tu* [itu] buat kita sebelum kita hantar kepada

kedai. Memang begitu teliti dan sekiranya berlaku kesilapan, buat pemeriksaan tindakan segera. Contohnya diberhentikan pengeluaran yang bergerak atas landasan stok. Pengeluarannya walaupun satu operasi, kita boleh hasilkan empat ribu tiga ratus tiga puluh biji kereta. Berhenti 1 minit *tu* [itu], tiga puluh biji kereta yang kita boleh buat. Kenapa saya kerja berpandukan Jepun, yang kita boleh cakap itu dari segi pengalaman kerja lah. Tadi selepas bekerja di kilang Proton, hampir tingkatan enam jadi peluang untuk balik ke kampung ataupun bertugas di kampung saya. Kalau saya masih lagi di Proton memang tak adalah, sebab Proton yang berada di Shah Alam sahaja ataupun sekarang *ni* [ini] di Perak. Jadi saya mengambil keputusan untuk jadi cikgu. Mengisi borang jadi cikgu Alhamdulillah dapat.

### **Tamat Bahagian 3**

#### **Bahagian 4 : Latar Belakang Sekolah**

- MA Boleh cikgu ceritakan serba sedikit tentang latar belakang Sekolah Kebangsaan Kuala Krai?
- EA Terima kasih. Jadi SK Kuala Krai (Sekolah Kebangsaan Kuala Krai) merupakan sekolah yang diklasifikasikan sebagai sekolah luar bandar. Walaupun berada dibandar dimana lokasi sekolah *ni* [ini] memang berhadapan dengan hospital lama Kuala Krai tetapi ia diletakkan, dilabelkan sebagai sekolah luar bandar disebabkan ada penempatan orang asli. Jadi Sekolah Kuala Krai (Sekolah Kebangsaan Kuala Krai) *ni* [ini] ada empat blok *saja* [*sahaja*] [*sahaja*] yang melibatkan pelajar lebih kurang dalam 400 lebih.

MA Mengapakah sekolah ini ditubuhkan?

EA Sekolah ini ditubuhkan pada tahun 1965 tak silap saya. Masa *tu* [itu] SK Kuala Krai (Sekolah Kebangsaan Kuala Krai) *ni* [ini] bersebelahan dengan SK Yahya Petra (Sekolah Kebangsaan Yahya Petra) yang berhampiran. Cuma SK Petra (Sekolah Kebangsaan Yahya Petra) aliran inggais SK Kuala Krai (Sekolah Kebangsaan Kuala Krai) *ni* [ini] khusus untuk orang melayu.

MA Siapakah pengasas Sekolah Kebangsaan Kuala Krai?

EA Pengasas SK Kuala Krai (Sekolah Kebangsaan Kuala Krai) *ni* [ini] merupakan bekas pegawai daerah dalam masa *tu* [itu]. Saya pun tak ingat nama, minta maaf lah, lama *dah* [sudah].

MA Siapakah perasmi Sekolah Kebangsaan Kuala Krai?

EA *Okay* [baik]. Perasmi pada masa *tu* [itu], Menteri Pendidikan pada masa itu, tak silap saya Dr. Mahathir (Dr. Mahathir bin Mohamad).

MA Dimanakah tapak bangunan sekolah ini waktu pertama kalinya?

EA Memang di tempat yang sama disebabkan sekolah *tu* [itu] memang berada berhadapan hospital dan juga berada bersebelahan dengan sungai sebab SK Kuala Krai (Sekolah Kebangsaan Kuala Krai). Pada zaman dahulu, sekitar enam puluhan (60-an) dan pengangkutan utama ialah sungai Kuala Krai. Jadi bersebelahan dengan sungai *tu* [itu] dia (Sungai Kuala Krai) ada tanah lapang dan didirikan untuk sekolah dan juga berhampiran dengan hospital. Jadi ada dua buah sekolah yang berhampiran untuk

penduduk sekitar Kuala Krai.

MA Bagaimana tercetusnya idea untuk menubuhkan Sekolah Kebangsaan Kuala Krai?

EA Saya difahamkan, penubuhan kerana disebabkan oleh permintaan kepada masyarakat pada masa tu. Jadi mungkinlah *DO* [pegawai daerah] pada masa *tu* [itu] mengambil inisiatif untuk kita ada dua aliran iaitu Inggeris (Bahasa Inggeris) dan Melayu (Bahasa Melayu). Jadi ramai yang meminta untuk ditubuhkan aliran Melayu walaupun sekolah hanya bersebelahan, hanya dipisahkan oleh jalan sahaja. SK Kuala Krai (Sekolah Kebangsaan Kuala Krai) dan SKYP (Sekolah Kebangsaan Yahya Petra) *tu* [itu] dipisahkan oleh jalan sahaja.

MA Dimanakah lokasi sebenar sekolah ini?

EA *Okay* [baik]. Lokasi sebenar Sekolah Kebangsaan Kuala Krai ialah berhadapan dengan hospital dan juga di belakangnya ialah zoo dan juga dikirinya ialah padang permainan. Kalau tuan puan pergi tengok berhadapan dengan hospital lama Kuala Krai, Sekarang ni hospital berada dihospital baru di lebuhraya kan. Dia (Sekolah Kebangsaan Kuala Krai) masuk ke dalam sikit, bandar lama lah, di kawasan bandar lama.

MA Bilakah tarikh rasmi Sekolah Kebangsaan Kuala Krai telah dibuka?

EA *Okay* [baik]. Seingat saya masa tahun sembilan belas enam puluh lima tahun, ditubuhkan secara rasmilah dan dirasmikan oleh Menteri Pendidikan masa *tu* [itu] Tun Dr. Mahathir.

MA Berapakah anggaran kos penubuhan sekolah ini?

EA Okay [baik]. Anggaran kos SK Kuala Krai (Sekolah Kebangsaan Kuala Krai) lebih kurang satu juta juga pada masa *tu* [itu] kerana melibatkan empat blok bangunan dan juga ada penempatan orang asli dibina juga bangunan untuk penempatan orang asli di sekolah ni. Sikap orang asli ni macam *ni* [ini], bila dia cuti, cuti hujung tahun atau cuti penggal masa tu. Jadi bila dia kembali pada kampung halaman masing-masing, memang kalau tak buat penempatan orang asli memang tahap pendidikan memang terabailah. Jadi kerajaan melalui JAKOA (Jabatan Kemajuan Orang Asli) telah mengambil inisiatif untuk jadikan SK Kuala Krai (Sekolah Kebangsaan Kuala Krai) sebagai sebuah sekolah penempatan. Jadi diambil dan ditempatkan di asrama. Walaupun sekolah rendah tapi mempunyai asrama dan diberikan kemudahan seperti pakaian, peralatan sekolah, semuanya *free* [percuma], ditanggung oleh kerajaan. Jadi begitu istimewa sehingga orang kata peruntukan orang asli pun dapat dikongsi bersama masyarakat orang melayu masa *tu* [itu].

MA Apakah objektif awal penubuhan sekolah ini?

EA Jadi seperti saya kata tadi, objektif awal penubuhan ialah untuk memberi, orang kata permintaan demi permintaan masyarakat untuk sekolah agama, ataupun sekolah melayu dengan sekolah inggeris, aliran inggeris. Jadi penubuhannya untuk masyarakat Melayu yang meminta untuk ke sekolah Melayu.

MA Boleh cikgu ceritakan sedikit berkaitan struktur pembinaan sekolah ini?

EA Jadi struktur pembinaan Sekolah Kuala Krai (Sekolah Kebangsaan Kuala Krai) *ni* [ini]

telah moden digunakan iaitu batu konkrit berbanding dengan sekolah-sekolah dahulu yang memang menggunakan papan ataupun berasaskan pasir. Tapi sekolah Kuala Krai *ni* [ini], bila diberi peruntukan yang banyak, jadi menggunakan konkrit iaitu pembinaan moden. Jadi kawasan adanya padang.

MA Apakah kemudahan awal yang disediakan pada masa tersebut?

EA *Okay* [baik]. Kemudahan awam yang saya nampak di asrama untuk pelajar-pelajar asli dan juga selain daripada *tu* [itu] orang asli ni dia suka bermain. Adanya tempat bermain sepak takraw itu, memang permainan utama orang asli. Jadi kalau bermain, akan sampai dua, tiga gelanggang. Walaupun tak ramai berbanding dengan pelajar-pelajar Melayu, tetapi disediakan permainan salah satu cara kerajaan nak menarik minat pelajar dengan cara bermain. Jadi kalau dia (orang asli) mari hadir ke sekolah di waktu pagi, kita latih pelajar-pelajar *ni* [ini] supaya memperkemaskan diri walaupun dah besar, tapi kena ajar gosok gigi, berpakaian lengkap *uniform* [seragam] sekolah. Kita tolong pakaikan walaupun dah besar. Dengan kita, kata umur tiga belas tahun pun, tapi masih kita latih. Jadi orang asli *ni* [ini] dia istimewa sikit. Jadi selain daripada *tu* [itu], orang asli bola pun dia boleh, bola bercampur dengan masyarakat melayu dan untuk bermain bola. Sehinggakan kita bawa bola, walaupun umur peringkat dua belas tahun, memang umur lima belas tahun, lapan belas tahun lah. Cuma pendaftaran mungkin lewat pada masa *tu* [itu], jadi kalau bermain peringkat daerah, memang Kuala Krai sentiasa johan dalam permainan bola sepak ataupun sepak takraw. Sehinggakan mewakili negeri pun memang orang asli dan dilahirkan pun di Sekolah Kebangsaan Kuala Krai. Sebab pada masa saya berada di sana dulu [dahulu] memang dua atau tiga orang memang sentiasa

ada wakil negeri dan yang diwakilkan asli (orang asli) lah memang dia bermain saja [sahaja]. Dia hadir ke sekolah untuk bermain sahaja. Orang asli *ni* [ini] dua sikap *je* [sahaja], pertama boleh main dan kedua boleh makan. Yang *tu* [itu] kita jaga betul-betul.

MA Apakah nama gelaran sekolah, maksud saya nama *glamour* [terkenal] dan sebagainya?

EA Memang SK Kuala Krai (Sekolah Kebangsaan Kuala Krai), memang masa *tu* [itu] SK Kuala Krai (Sekolah Kebangsaan Kuala Krai) masyarakat tahu SK Kuala Krai (Sekolah Kebangsaan Kuala Krai) memang ada juga masa *tu* [itu]. Orang panggil sekolah orang asli sebab penempatan, memang penempatan untuk orang asli. Kalau sebut memang orang tahu lah kawasan orang asli, satu per tiga daripadanya orang asli.

MA Apakah kawasan sebenar disini sebelum sekolah ini ditubuhkan?

EA *Okay* [baik]. Saya difahamkan bahawa kawasan sebelum ni memang kawasan hutan. Rizab zoo negara maksudnya rizab untuk kawasan pembangunan kerajaan. Jadi rizab zoo negara lah. Jadi bila dibangunkan sekolah, disempadankan untuk sekolah menjadi hak milik kerajaan negeri.

MA Mengapakah kawasan ini dipilih?

EA Sekolah ini dipilih dari sudut lokasinya berhampiran dengan hospital, macam saya kata tadi, mungkin disebabkan berhampiran dengan sungai. Sekolah yang menggunakan pengangkutan dan bila ada jalan raya *ni* [ini] SK kuala krai (Sekolah Kebangsaan Kuala Krai) berhampiran dengan bandar.

- MA Berapa lamakah masa diambil untuk menyiapkan sekolah ini?
- EA Kerana saya pergi kesana sekolah ini telah siap, mungkin pembinaannya melepas dua atau tiga tahun *nak* [mahu] siap. Sebab dia ada empat blok dan satu blok sampai tiga tingkat.
- MA Berapakah anggaran keluasan keseluruhan kawasan sekolah?
- EA Keseluruhan keluasan kawasan SK Kuala Krai (Sekolah Kebangsaan Kuala Krai) ini dua ekar sahaja kerana kawasan zoo negara. Jadi kalau dua ekar cukuplah untuk buat sekolah dan cukup untuk buat gelanggang sepak takraw. Kita kongsi dengan padang guna sama dengan sekolah YP (Sekolah Kebangsaan Yahya Petra) kerana bersebelahan sahaja dan kita bawa pelajar ke sekolah *tu* [itu] sahaja.
- MA Adakah Sekolah Kebangsaan Kuala Krai sering dijadikan kawasan pemindahan banjir dan kenapa?
- EA Jadi sekolah *ni* [ini] bila berada di tepi sungai, memang dijadikan pusat pemindahan banjir kerana di tepi sungai kerana kita mempunyai asrama dan juga berhampiran dengan hospital untuk memudahkan pemindahan banjir. Dan yang kedua SK Kuala Krai (Sekolah Kebangsaan Kuala Krai) *ni* [ini] kawasan yang tanah tinggi jadi bila banjir jadi orang kata bukan kawasan yang tenggelam dan itu sebab kenapa dijadikan pusat pemindahan. Sepanjang berada di sana memang setiap cuti hujung tahun memang dijadikan persedian pusat pemindahan. Kita buka kelas-kelas untuk kawasan-kawasan yang ditelenggami air.

- MA Dimanakan bahagian yang sering dijadikan pusat pemindahan banjir di dalam kawasan sekolah?
- EA Okay, disebabkan kita mempunyai empat blok, di blok pentadbiran kita tak masuk untuk pusat pemindahan, jadi satu blok kita tak masuk kawasan pemindahan disebabkan masyarakat disana pun ramai yang terlibat. Contohnya kawasan-kawasan kampung, kawasan yang sering dinaiki air. Jadi disini keluarga *tu* [itu] kesemua kita gunakan termasuk surau dan tandas bangunan. Semua kita gunakan kecuali blok pentadbiran, kita gunakan kecuali satu blok sahaja sebab kemudahan sekolah *ni* [ini] elektrik ada, air ada dan sesuai untuk dijadikan pusat pemindahan.

#### **Tamat Bahagian 4**

#### **Bahagian 5: Maklumat Mengenai Bangunan**

- MA Berapakah keluasan terkini Sekolah Kebangsaan Kuala Krai?
- EA Keluasan terkini SK Kuala Krai (Sekolah Kebangsaan Kuala Krai) tidak berubah disebabkan oleh tiada kawasan lain kerana kami di Kuala Krai memang terhad terlibat dengan sekolah, zoo negara tadi di hospital dengan sekolah SKYP (Sekolah Kebangsaan Yahya Petra). Sekolah ini memang lebih kurang dalam tiga ekar memang tak berubah. Tak ada penempatan atau pengambilan tanah baru.
- MA Berapakah bilangan ruang solat dalam Sekolah Kebangsaan Kuala Krai ini?
- EA Ruang solat ni kita hanya ada sebuah surau yang digunakan untuk solat jadi surau tadi di didirikan untuk kemudahan pelajar dan juga masyarakat sekitar.

MA Berapakah anggaran purata murid di Sekolah Kebangsaan Kuala Krai?

EA Purata muridnya tiga ratus setengah tak boleh lebih di bawah lima ratus orang. Jadi sesuai dengan keadaan bilik, tadi dengan kemudahan yang ada. Jadi bila berlaku penambahan penduduk ataupun kemasukan murid, pelajar terpaksa di dialihkan ke sekolah lain. Sekarang sekolah SKYP (Sekolah Kebangsaan Yahya Petra) sudah didirikan untuk menampung perkembangan apa orang kata yang masuk ke daerah Kuala Krai.

MA Berapakah bilangan bilik yang disediakan dalam Sekolah Kebangsaan Kuala Krai ini?

EA Bilangan kelas *ni* [ini] la yang terkini. Saya tak tahu ini semasa saya mengajar dulu [dahulu] lebih kurang dalam tiga puluh lebih, tiga puluh lima termasuk dengan pra sekolah. Pra sekolah kita ada dua kelas.

MA Berapakah kos pembiayaan keseluruhan yang melibatkan operasi Sekolah Kebangsaan Kuala Krai?

EA Maksudnya operasi dari segi? Sebab saya masa *tu* [itu] tak terlibat dengan pentadbiran cuma dari segi keseluruhan elektrik tu memang dalam lima ratus ringgit malaysia sebulan. Biasalah air pun dalam, kerana kelebihan air kita menggunakan air JKR (Jabatan Kerja Raya). Juga tetapi air tandas sungai jadi air tadi yang lebih murah untuk minum, makan untuk pelajar. Kita ambil kepada JKR (Jabatan Kerja Raya) yang dirawat jadi tak mahal dalam dua ratus ke tiga ratus sebulan.

MA Berapakah anggaran kuantiti untuk kemasukan penuh murid ke Sekolah Kebangsaan

Kuala Krai?

EA Sebagaimana yang saya kata kemasukan penuh bermula dengan tahun satu. Jadi tahun satu, kita ada dua kelas iaitu satu kelas lebih kurang tiga puluh lima orang. Jadi lebih kurang, dua kelas untuk setiap tahun. Untuk tahun satu, itulah kalau sudah melebihi apa yang ditetapkan oleh PPD (Pejabat Pendidikan Daerah) ataupun oleh *JPN* (Jabatan Pendidikan Negeri). Ditempatkan ke sekolah lain di Kuala Krai. Penduduk sekitar Kuala Krai memang berminat kemudahan yang disediakan.

MA Boleh cikgu anggarkan kuantiti kemasukan kereta untuk parkir dalam Sekolah Kebangsaan Kuala Krai?

EA Di sekolah juga kalau kereta dalam paling banyak pun tiga puluh biji sebab kawasan yang terhad. Jadi cikgu lelaki dia suka bawa motosikal sebab senang nak gerak yang kedua jimat sikit jadi untuk cikgu lelaki biasa bawa motor. Sebab saya kerja pun kerana jauh daripada sekolah. Tempat tinggal banyak di Sekolah Kuala Krai (Sekolah Kebangsaan Kuala Krai) kerana cikgu-cikgu memang cikgu asal di Kuala Krai.

MA Boleh cikgu anggarkan kuantiti kemasukan motosikal untuk parkir dalam Sekolah Kebangsaan Kuala Krai?

EA Sebab kami di SK Kuala Krai (Sekolah Kebangsaan Kuala Krai), sekolah rendah yang terlibat motosikal pekerja ada di kalangan guru dan cikgu. Jadi anggaran yang saya rasa tak lebih daripada dua puluh biji motosikal. Kebanyakan cikgu pakai kereta *dah* [sudah] sekarang macam *tu* [itu].

- MA Berapakah guru yang diperlukan oleh Sekolah Kebangsaan Kuala Krai ini?
- EA Nisbah guru yang diperlukan berbanding pelajar dalam empat ratus lima puluh, lebih kurang dalam tiga puluh dua atau tiga puluh tiga. Biasanya cikgu-cikgu di Kuala Krai, orang kata yang hadir di Kuala Krai dan penempatan untuk syarat. Contohnya, cikgu baru tu hantar ke Kuala Krai cukup edah 5 tahun memang balik. Jadi itulah sebab orang tahu sekolah Kuala Krai adalah satu lompatan untuk balik kampung (ketawa).
- MA Apakah ciri-ciri keselamatan yang digunakan dalam Sekolah Kebangsaan Kuala Krai ini?
- EA Keselamatan masa, memang kita diberi pengawal keselamatan untuk bertugas dua puluh empat jam jugalah. Jadi walaupun pada masa *tu* [itu] hanya seorang *saja* [sahaja] yang saya tahu. Jadi kalau yang bertugas malam dua belas jam seorang. Lepas tu dua belas jam kedua seterusnya. Tapi sekarang kita ada dua orang yang bertugas sepanjang masa berbanding dengan *dulu* [dahulu] dia *pastu* [selepas itu] kalau dua berpasangan buat meronda kawasan sekolah. Kalau nak ronda tu *diorang* [mereka] tutup pagar.

## **Tamat Bahagian 5**

- ### **Bahagian 6: Reka Bentuk Bangunan**
- MA Apakah konsep seni reka bina Sekolah Kebangsaan Kuala Krai ini?
- EA Senibina Sekolah Kebangsaan Kuala Krai *ni* [ini] boleh dikatakan terkini yang mengikut spesifikasi yang dikeluarkan oleh JKR (Jabatan Kerja Raya) sebab dia bangunan kerajaan. Memang dia dibuat oleh JKR (Jabatan Kerja Raya). Diluluskan baru dia bina.

- MA Apakah yang menjadikan Sekolah Kebangsaan Kuala Krai ini bernilai istimewa?
- EA Banyak cerita dari segi sejarahnya sebab daripada empat bangunan tadi kita ada satu bangunan sekolah lama. Ia masih lagi dijaga dan juga digunakan sebagai bilik muzik, walaupun bentuknya macam bangunan lama dijadikan bilik muzik. Jadi yang istimewa kata kita boleh melihat tradisi bangunan lama dengan bangunan moden.
- MA Warna apakah yang terlibat dalam seni reka Sekolah Kebangsaan Kuala Krai?
- EA Tidak tahu, saya hanya mengajar di sana dan tidak terlibat pembangunan di sana.
- MA Siapakah yang menyumbangkan idea dalam seni reka bangunan ini?
- EA Daripada makluman guru besar yang terdahulu. Dia kata mereka ni ada juga campuran daripada cikgu-cikgu lama yang mengasaskan sekolah tersebut dan juga ada juga daripada jabatan JKR (Jabatan Kerja Raya) mereka berbincang juga untuk membina bangunan baru.
- MA Apakah *plan* [rancangan] terkini untuk masa hadapan berkenaan struktur Sekolah Kebangsaan Kuala Krai ini?
- EA Sekolah kebangsaan yang *ni* [ini] mungkin bahagian pembangunan di Jabatan Pendidikan dan JKR (Jabatan Kerja Raya) yang mungkin pada masa-masa hadapan *tu* [itu] akan bertambah lagi sebab pertambahan penduduk dan mungkin dari empat tingkat tadi mungkin dinaikkan sampai sepuluh tingkat kita *tak* [tidak] tahu tapi mungkin *tu* [itu] perancangan.

## **Tamat Bahagian 6**

### **Bahagian 7: Aktiviti Dan Perkhidmatan**

- MA Aktiviti apakah yang selalu dilakukan di Sekolah Kebangsaan Kuala Krai?
- EA Okay, terima kasih, aktiviti di Sekolah Kebangsaan Kuala Krai sama juga dengan sekolah yang lain. Kami menyampaikan kurikulum dan juga akademik serentak. Untuk aktiviti ini kita patuh kepada Jabatan Pendidikan Negeri sebagaimana surat siaran yang dikeluarkan Jabatan Pendidikan Negeri. Jadi terlibat dari segi akademiknya, pengajaran dan pembelajaran dan juga kurikulum iaitu sukan permainan dan juga unit uniform.
- MA Aktiviti apakah yang wajib diadakan setiap tahun?
- EA Okay, aktiviti yang wajib ialah dari segi sukan dan permainan, sukan dan permainan kita mengadakan sukan tahunan sekolah dan juga ke peringkat-peringkat yang lebih tinggi seperti peringkat daerah dan juga peringkat negeri. Jadi aktiviti ini biasanya dirancang oleh pengurusan panitia masing-masing.
- MA Apakah sumbangan Sekolah Kebangsaan Kuala Krai ini kepada masyarakat di Kuala Krai?
- EA Sumbangan kita kepada masyarakat terutamanya masyarakat yang di sekitar kampung ini kita latih anak-anak didik kita untuk hidup terutamanya seperti contoh dari segi disiplin, pelajaran, peraturan dan selain daripada *tu* [itu] juga yang lebih penting kita mengenali bakat dan potensi pelajar-pelajar yang akan kita latih untuk masa *depan* [hadapan] pelajar sendiri.

- MA Apakah sumbangan Sekolah Kebangsaan Kuala Krai ini kepada negeri Kelantan?
- EA Sepertimana saya maklumkan tadi Sekolah Kebangsaan Kuala Krai ini merupakan sekolah pendalaman walaubagaimanapun dari segi sumbangan kita juga mewakili --- pelajar-pelajar Sekolah Kebangsaan Kuala Krai ini mewakili daerah Kuala Krai ke peringkat negeri dan pernah juga peringkat kebangsaan dalam sukan permainan iaitu sepak takraw. Jadi kebetulan jurulatih kita pun yang berpengalaman dan juga mempunyai kepakaran melatih pelajar-pelajar ke peringkat lebih tinggi lagi.

### **Tamat Bahagian 7**

#### **Bahagian 8: Maklumat Anugerah Dan Kejayaan**

- MA Berapa anugerah yang diperolehi oleh Sekolah Kebangsaan Kuala Krai ini?
- EA Anugerah melebihi pada peringkat. Bukannya kita fokuskan kepada takraw namun bola sepak juga kita mewakili daerah dimana ada juga pelajar kita yang mewakili kebangsaan dan peringkat negeri manakala dari segi unit beruniform perbarisan pun kita terlibat dalam penganjuran. Jadi walaupun sekolah kita berada di kawasan diistilahkan sebagai sekolah pendalaman namun pencapaian pelajar dia memang melangkaui pencapaian di sekolah lain.
- MA Berapa kali Sekolah Kebangsaan Kuala Krai ini telah didokumentarikan di media massa?
- EA Cuma di Sekolah Kebangsaan Kuala Krai pernah didokumentarikan di media massa *bila* [apabila] terlibat seperti sambutan Hari Guru peringkat kebangsaan dan peringkat negeri pernah dilakukan di daerah Kuala Krai. Jadi kita dokumentasikan sebab keistimewaan pelajar-pelajar kita yang orang asli. Jadi kita diberi tanggungjawab untuk melahirkan

dan mempamerkan kelebihan pelajar-pelajar orang asli.

- MA Apakah kejayaan yang paling memberi impak kepada Sekolah Kebangsaan Kuala Krai?
- EA Yang paling memberi kesan kepada Sekolah Kebangsaan Kuala Krai ialah penglibatan guru-guru dan juga murid dalam kajian Rintis program PIMPIN *dulu* [dahulu] jadi disini kami dipilih kerana pembelajaran Bahasa Inggeris nya untuk peringkat sekolah pendalamam. Kebetulan dengan status sekolah kita walaupun berada di bandar namun kita terlibat kerana ada orang asli dan kami dipilih sebagai tempat kajian oleh Jabatan Pendidikan Negeri dan pernah juga dokumentasikan untuk kajian tindakan program Rintis iaitu pembelajaran dan pendidikan Bahasa Melayu.
- MA Apakah faktor utama untuk Sekolah Kebangsaan Kuala Krai mendapat sesebuah kejayaan itu?
- EA Kejayaan di Sekolah Kebangsaan Kuala Krai banyak faktor yang mempengaruhi diantaranya seperti kepimpinannya dengan pentadbiran. Kerjasama guru ni kadang-kadang yang melibatkan hari cuti pun dia orang bertugas untuk melatih pelajar. Contohnya kalau hari Jumaat dan Sabtu pun turun ke Padang untuk melatih badminton dan bola sepak. Jadi di sinilah pengorbanan, kepakaran yang ditunjukkan oleh guru menyebabkan Kuala Krai (Sekolah Kebangsaan Kuala Krai) tidak ketinggalan dari segi pencapaian akademiknya dan juga pencapaian kokurikulum.

## **Tamat Bahagian 8**

### **Bahagian 9: Pengalaman Banjir**

MA Berapa lamakah masa diambil untuk membaik pulih sekolah ini?

EA Pada tahun dua ribu empat belas. Banjir besar di Kelantan. Jadi SK Kuala Krai (Sekolah Kebangsaan Kuala Krai) terlibat sama kerana sekolah kami berada di tepi sungai. Tenggelam hanya satu tingkat *saja* [sahaja] jadi masa yang diambil untuk bersih semua semula dan mengembalikan kepada operasi lebih kurang sebulan. Itu pun kita dapatkan semua jabatan-jabatan lain, pejabat kerajaan lain seperti Bomba, JPAM (Jabatan Pertahanan Awam) yang datang membantu urusan sekolah seperti *bawa* [membawa] dia punya perkakasan untuk buat semburan kerana mempunyai sisa-sisa banjir lumpur.

MA Berapa lamakah masa yang diambil untuk air sampai di aras yang tertinggi?

EA Seperti yang saya katakan, banjir dua ribu empat belas memang sampai untuk aras yang tertinggi. Kita *walau* [walaupun] tinggi kawasan bukit. Sekolah ni cuma yang tenggelam ialah tingkat satu sahaja di tingkat dua, tiga tu masih belum tenggelam dan masa yang tak sampai satu jam boleh tenggelam satu aras. Tapi Alhamdulillah.

MA Pada jam berapakah air mula naik di kawasan sekolah ini?

EA Masa *tu* [itu] tak hujan cuma berlaku air naik secara tiba-tiba, makin naik, makin naik paras air, makin tinggi yang sebelum ni tak pernah tenggelam di kawasan sekolah jadi air naik pada sebelah petang. Tiga ataupun empat petang.

MA Barapakah anggaran keseluruhan individu yang berada di kawasan sekolah pada waktu air mula naik?

EA Air mula naik di kawasan sekolah secara tiba-tiba. Dia tak boleh buat anggaran cuma

yang tepat kita kata bilangan keluarga adalah lebih kurang sepuluh keluarga yang terlibat yang memang betul-betul berada di tepi sungai yang sepuluh atau dua puluh keluarga. Ini berdasar kepada bilangan kelas yang kita buka. Jadi kita buka satu kelas tu kita bagi empat keluarga untuk dijadikan tempat.

MA Apakah kesan jangka panjang tragedi banjir yang terjadi pada 2014?

EA Kesan jangka panjang ekoran daripada banjir dua ribu empat belas, perubahan dari segi struktur tanah. Laluan air tu bila kesan banjir memang berubah, kalau sebelum ni laluan air menyebabkan berlakunya macam lorong sampai sungai alur sungai sebab kita aliran ini daripada air naik, apabila dia memenuhi kawasan sekolah dia surut, jadi itulah menyebabkan adanya lekukan-lekukan.

MA Apakah sukarelawan organisasi yang terlibat dalam membaik pulih sekolah ini?

EA Sukarelawan organisasi yang terlibat daripada jabatan-jabatan kerajaan seperti Bomba, Polis, organisasi yang lain Jabatan Pendidikan sendiri ada hubungan yang baik antara kita. Jadi PPD (Pejabat Pendidikan Daerah) Daerah. Contohnya PPD (Pejabat Pendidikan Daerah) Daerah Bachok mengambil inisiatif untuk menghantar bekalan. Contohnya disebabkan banyak kukurangan pakaian dan makanan untuk mangsa-mangsa banjir.

MA Mengenai pengalaman banjir yang cikgu hadapi, adakah cikgu sudah menjangka bahawa akan berlaku banjir besar pada tahun 2014?

EA Oh tidak. Memang pada tahun yang biasanya kita tak banjir. Pada tahun dua ribu empat

belas sebenarnya macam saya kata, Tuhan nak uji, nak *bagi* [memberi] kesedaran pada kita baru kita kena sentiasa bersedia untuk menghadapi cabaran. Panas tiba-tiba hujan. Jadi sediakan payung sebelum hujan.

- MA Bagaimakah Sekolah Kebangsaan Kuala Krai menjadi salah satu tempat pemindahan banjir
- EA Sekolah kita, tempat pemindahan *ni* [ini] disebabkan kawasan tanah tinggi, yang kedua dari segi kemudahan-kemudahan lain, kemudahan bilik tandas nya bekalan elektrik nya dan juga berdekatan dengan hospital sekiranya ada sakit demam di penempatan banjir, dekat hospital, mudah untuk urusannya.
- MA Bagaimanakan mangsa banjir yang menetap di Sekolah Kebangsaan Kuala Krai menghubungi ahli keluarga di tempat lain?
- EA Pada kalau tahun dua ribu empat belas, yang berhubung kita boleh berhubung melalui bot *tapi* [tetapi] pengendali bot pun *tak* [tidak] berani nak bawa. Jadi kita berhubung pakai WhatsApp (perkhidmatan mesej perisian percuma). *Nak* [hendak] pergi sana *tak* [tidak] boleh. Kita pakai powerbank (bateri tambahan untuk telefon pintar) sebab bekalan elektrik dipotong dan kita melalui *text* [teks] WhatsApp (perkhidmatan mesej perisian percuma), *nak* [hendak] *call* [hubungi] *tak* [tidak] boleh. Sebab kalau *call* [hubungi] *dah* [sudah] sampai masuk hari ketiga *tak* [tidak] tahan *dah* [sudah] habis bateri.
- MA Apakah yang diharapkan oleh cikgu semasa tragedi ini berlaku?

EA Jadi bila berlaku banjir besar di seluruh kawasan terlibat. Biasa kami berharap supaya dibantu kerajaan dan juga NGO (Non-Government Organization) yang sudi terutamanya bila tenggelamnya kedai. Semua kedai untuk dapat bekalan makanan dan ubat-ubatan juga. Jadi kami mengharapkan masa *tu* [itu] untuk keperluan harian.

MA Apakah cikgu sudah membuat apa-apa persiapan untuk menghadapi banjir tersebut?

EA Banjir macam dua ribu empat belas. Sebab kita *dah* [sudah] biasa menjadi pusat pemindahan dan jawatankuasa pun *dah* [sudah] ada cuma untuk tahun dua ribu empat belas tu dia datang lebih awal. Biasanya dalam bulan sebelas, dua belas banjir tapi awal. Jadi orang kata datang *tu* [itu] dengan keadaan tergesa-gesa.

MA Seingat cikgu, sudah berapa kali cikgu mengalami banjir?

EA Banjir berbanding dengan banjir dua ribu empat belas banjir *tak* [tidak] silap saya dalam dua ribu empat belas banjir-banjir kecil *tu* [itu] biasa. Sebab Kuala Krai kawasan yang rendah, juga kawasan sesetengah kawasan *tu* [itu] macam kecil. Jadi bila berlaku banjir memang kita bersedia *tapi* [tetapi] setelah banjir besar macam tahun lepas memang semua sekolah ditutup.

MA Boleh cikgu ceritakan suasana ketika banjir di sekitar sekolah cikgu?

EA Jadi bila semua rumah-rumah tenggelam. Cuma tinggal di sekolah *saja* [sahaja] sebab sekolah kita mempunyai tiga aras. Jadi tiada tempat dituju bila air semakin naik, menuju ke sekolah sebab dia (Sekolah Kebangsaan Kuala Krai) ada kemudahan elektrik, air masih ada. Jadi bila air semakin tinggi rumah semua tenggelam. Kampung kecil, jadi

*diaorang* [mereka] lari ke sekolah *sikit* [sedikit] dan juga lagi alternatif lari ke tempat yang tinggi, bukit-bukit walaupun *tak* [tidak] ada bumbung, untuk menyelamatkan diri memang terpaksa ambil ahli keluarga sendiri ke atas bukit.

MA Kiranya ni kali pertama cikgu mengalami banjir yang terbesar?

EA Untuk banjir tahun dua ribu empat belas *ni* [ini] memang pada pertama kalinya yang dihadapi begitu juga dengan rakan-rakan lain di Kuala Krai dan yang terlibat dengan peristiwa *tu* [itu]. Beberapa yang berhampiran dengan sungai sebab banjir *tu* [itu] melalui air sungai.

MA Pada hari apa dan waktu apa air naik dan masuk ke dalam rumah cikgu?

EA Seingat saya pada hari Jumaat, walaupun tidak hujan *tapi* [tetapi] daripada sungai semakin tinggi, walaupun hujan *tak* [tidak] lebat mana tapi air daripada bumi yang yang kita rasa pelik *sikit* [sedikit]. Biasanya banjir *ni* [ini] hujan .Dua ribu empat belas *ni* [ini] air daripada sungai kemungkinan rumah dan bangunan-bangunan yang *tak* [tidak] pernah tenggelam pun tennggelam. Itulah pengalaman yang *tak* [tidak] dapat dilupa.

MA Apa yang cikgu sedang lakukan pada sebelum air naik dan masuk ke sekolah?

EA Kita menyediakan tempat untuk pemindahan walaubagaimanapun bila air semakin naik kita daripada aras bawah *ni* [ini] kita menyediakan tempat kepada tempat lebih tinggi aras satu dan dua dan di sini berlaku sedikit kekalutan nak buat kita menyediakan, biasanya aras satu atau pun tingkat bawah sekali, dua tingkat. Bila air makin naik sebab daripada tingkat aras satu kepada aras kedua dan ketiga.

- MA Adakah semua guru dan murid berada di sekolah ketika itu?
- EA Kebetulan hari itu ialah cuti kebanyakkan guru dan murid berada di rumah masing-masing cuma *bila* [apabila] air *makin* [semakin] naik baru hadir ke sekolah untuk pemindahan.
- MA Apakah perasaan cikgu ketika itu?
- EA Boleh Kata terkejut dan tiba-tiba banjir *mari* [datang]. Yang hadir di luar pada jangkaan. Jadi itu mungkin kita *tak* [tidak] boleh bayangkan dengan kata-kata cuma bila kita renung balik apa yang Tuhan bagi dia sebenarnya ada hikmah disebaliknya.
- MA Adakah cikgu perlu berpindah pada masa itu dan dimanakah tempat tinggal sementara cikgu?
- EA Kebetulan pada masa *tu* [itu] berada di kawasan yang tinggi. Jadi memudahkan kami membantu mangsa-mangsa banjir yang lain.
- MA Semasa banjir tersebut, adakah terdapat mana-mana pihak datang memberi bantuan kepada cikgu contohnya dari segi pakaian dan sebagainya?
- EA Bila kita berada di pusat pemindahan. Pertama sekali, kebajikan masyarakat (Jabatan Kebajikan Masyarakat) yang mengambil peranan. Pihak kebajikan masyarakat (Jabatan Kebajikan Masyarakat) menyediakan makan, minum dan juga NGO-NGO (Non-Government Organization) yang membantu mungkin dari segi pakaian nya, perubatan dan juga kaunseling kerana pihak kaunseling pun dipanggil untuk membantu kaunseling mangsa banjir.

- MA Semasa banjir, adakah cikgu tetap pergi bekerja atau diberikan cuti?
- EA *Tak* [tidak] ada, masa *tu* [itu] memang kami diberi cuti sebab semua banjir *ni* [ini] semua daerah yang terlibat perlu diberi cuti sempena cuti peristiwa.
- MA Apakah langkah-langkah keselamatan yang diambil semasa tragedi banjir tersebut?
- EA Jadi langkah keselamatan, macam biasa, kami telah diberi taklimat sebelum *tu* [itu]. Pertama sekali kalau rumah, kita siapkan dokumen yang penting, kita bawa ke pusat pemindahan dan yang lain nombor ke berikutnya, yang nombor satu ialah nyawa kita dan juga keluarga kita.
- MA Berapa lama cikgu diberikan tempoh untuk bercuti disebabkan banjir?
- EA Seingat saya, cuti kakitangan *diaorang* [mereka] bagi *tak* [tidak] banyak dalam dua minggu. Jadi untuk persiapan untuk sekolah *ni* [ini], kita nak bersih sekolah. Jadi selepas banjir. *Tak* [tidak] lama dalam seminggu. Jadi persiapan untuk bersihkan sekolah dilakukan serentak. Jadi kita perlu kepada dua minggu *lepas* [selepas] tu bersihkan banjir lumpur. Lumpur dalam satu aras banyak, sampai setiap bangunan satu inci ke tiga inci tu biasa. Panggil bomba untuk membantu dengan air tekanan air dia.
- MA Berapa lama masa untuk air banjir tersebut surut?
- EA Lebih kurang seminggu, yang tidak sekolah operasi dalam dua minggu. Kami dalam air penuh selepas seminggu berada di aras bawah.
- MA Bagaimana keadaan pelajar cikgu selepas banjir tersebut surut?

EA Yang hadir pun *diaorang* [mereka] ada yang mari dengan baju biasa, bukan uniform. Jadi yang penting kita nak pastikan keluarga anak-anak kita *ni* [ini] yang selamat ini hadir ke sekolah untuk nampak kedatangan kita melalui kedatangan pelajar kita boleh tengok. Alhamdulillah, yang dikatakan banjir besar tidak ada kehilangan nyawa.

MA Bagaimana keadaan sekolah selepas waktu banjir?

EA Memang keadaan hiruk piruk dengan ada lumpur, dengan keadaan yang tiada elektrik. Ada juga kami ditutup bekalan elektrik yang terputus. Jadi bila tak ada elektrik ni memang suasana *tak* [tidak] sesuai untuk pengajaran, jadi kita perlu kepada orang yang datang gotong-royong membantu jabatan membersihkan sekolah balik.

MA Apakah kerosakan yang paling ketara berlaku di sekolah cikgu?

EA Di Sekolah Kuala Krai (Sekolah Kebangsaan Kuala Krai) yang ketara ialah pagar, adalah disebabkan air yang melanda banjir, air deras, walaupun kita tak tutup pun *tapi* [tetapi] air itu deras menuju ke sungai, jadi pagar-pagar sekolah memang roboh. Yang lain-lain, struktur memang tak ada masalah cuma tersangkut oleh pagar tu *je* [sahaja].

MA Apakah organisasi kerajaan dan NGO yang terawal mengambil tindakan terhadap tragedi banjir yang berlaku

EA Pertama kalinya kita bernasib baik sebab sekolah mengadakan hubungan baik dengan PPD (Pejabat Pendidikan Daerah). Kami dihubungi, di tanya bagaimana keadaan sekolah. Jadi peranan aktiviti PPD (Pejabat Pendidikan Daerah) memang penting walaupun dia sendiri yang telah hadir. Pegawai yang bertugas turut menghubungi

sekolah-sekolah tanya bagaimana keadaan sekolah jadi secara *tak* [tidak] langsung pihak Bomba pun hadir untuk membantu .JPAM (Jabatan Pertahanan Awam Malaysia) ada bekalan juga *diaorang* [mereka] buat untuk bersih sekolah selepas banjir.

- MA Apakah proses-proses pembaikpulihan yang dilakukan sehingga hari ini?
- EA Jadi kalau kita tengok di SK Kuala Krai (Sekolah Kebangsaan Kuala Krai) memang saya katakan tiada. Ada dari segi pagar ia mendapat peruntukan daripada jabatan untuk banjir. Jadi kerajaan telah memperuntukkan untuk baik pulih semula.
- MA Bagaimanakah cikgu boleh gambarkan emosi dan mental semasa menghadapi tragedi banjir ini?
- EA Biasalah bila berlaku musibah-musibah banjir, jadi kebanyakannya penduduk motivasinya *down* dan juga nak digambarkan macam *tak* [tidak] boleh terima keadaan *tak* [tidak] bersedia bila tiba-tiba diuji dengan banjir. Macam saya katakan, bagi yang berfikir tu, Alhamdulillah dia orang boleh fikirlah punca sebab Allah nak [hendak] jadikan sesuatu peristiwa, tetapi bagi yang tak berfikir tu tak ada guna. Tapi kebanyakannya memang masih berfikir dan merenung balik mungkin berlaku kesilapan kita tak buat perancangan walaupun dalam keadaan yang tenang kata tak bersedia untuk menghadapi.
- MA Apakah pendapat cikgu berkenaan keselamatan bencana terhadap institusi pendidikan?
- EA Pada pandangan saya, kalau dari segi perancangan, sekolah-sekolah *ni* [ini] boleh dibuat di kawasan yang tinggi untuk mengelak banjir. Yang mana, masa untuk menyediakan

tempat sebagai pusat pemindahan untuk pembinaan sekolah-sekolah *ni* [ini] memang kena pilih sekolah yang kawasan yang tinggi walaupun berada di atas bukit, untuk keselamatan daripada banjir dan yang penting dari segi persediaan. Kita di sekolah ni untuk keselamatan pun kita menyediakan jawatankuasa perancangan untuk bukan sahaja banjir, tapi juga keselamatan seperti kebakaran, latihan-latihan tu penting untuk masyarakat terutamanya untuk anak-anak kita di sekolah.

MA Berapa anggaran jumlah kerugian yang cikgu dan keluarga hadapi?

EA Biasanya dapat dianggarkan ialah kereta. Kalau ada tiga buah, dua buah tak dapat diselamatkan. Ada bangunan rumah yang dibawa arus jadi memang perlu tempat pemindahan untuk menghadapi banjir.

MA Adakah Sekolah Kebangsaan Kuala Krai sudah pulih seperti biasa pada waktu ini?

EA Dua ribu empat belas *ni* [ini] memang masih lagi banjir besar Kuala Krai yang mana kalau sekarang ni perubahan tu [itu] sudah ada dan juga setengah orang sudah melupai pernah dia mengalami banjir.

MA Boleh cikgu kongsikan pengalaman banjir orang terdekat dengan cikgu contohnya kawan-kawan cikgu?

EA Yang terlibat dengan banjir ni ada yang rapat dengan saya. Adik ni masa dua ribu empat belas ni dia menumpang di masjid dimana satu aras untuk tingkat yang kedua boleh dikatakan keluarga yang terlibat ada lebih daripada sepuluh keluarga di atas masjid tersebut. Jadi makanan dia tu memang tak ada makanan, mengharapkan bantuan sahaja

dengan air yang laju di Manek Urai. Jadi mengharapkan supaya air cepat surut.

MA Adakah banjir besar ini memberikan kesan kepada sekolah?

EA Memang memberi kesan dan juga selepas banjir, pihak pengurusan sekolah pun dipanggilan untuk kita menyediakan ataupun menghadapi di bawah program 3M keselamatan dan kebersihan juga kecemasan. Jadi kami diberi taklimat menghadapi bencana, pertamanya penUbahan jawatankuasa bencana, tindakan sebelum bencana, selepas bencana dan juga jabatan-jabatan lain yang kita boleh hubungi semasa berlaku banjir dan semasa bencana yang lain.

MA Bagaimana pihak Sekolah Kebangsaan Kuala Krai mendapat makluman bahawa banjir akan berlaku?

EA Jadi sebelum kami di matikan punca elektrik memang kita dapat daripada melalui rancangan televisyen ataupun makluman berita. Setelah bekalan elektrik di putus hanya dari telefon kita berhubung itu pun kita berhubung melalui *WhatsApp* disebabkan bekalan elektrik tak ada. Sebab bila habis bateri memang tak ada perhubungan. Itu lah kata. Paling tinggi pun boleh la dua hari.

MA Apakah persiapan cikgu sekiranya banjir akan berlaku lagi seperti tahun 2014?

EA Persiapan kita pertama sekali ialah dari segi mental kita untuk menghadapi segalanya. Berlaku pula kemungkinan bukan banjir *saja* [sahaja] bencana yang lain seperti ribut taufan, mungkin kawasan kita ni tak ada. Jepun gegaran, tsunami yang jadi tapi tak mustahil. Sebab kita perlu bersedia apakah langkah sebelum bencana dan selepas

bencana atau macam mana kita nak hadapi dari segi fizikal kita mental kita juga penting untuk kita hadapi bencana.

MA Adakah sekolah cikgu turut memberi sumbangan kepada mangsa-mangsa banjir yang lain?

EA Jadi situasi banjir di Kuala Krai ni tidak sebagaimana di Manek Urai dimana semua sekolah dalam semua bangunan tinggal atas sekali tidak tenggelam. Alhamdulillah bantuan dari segi pakaian kita hantar pakaian ataupun memberi sumbangan makanan. Lebih penting makanan dan juga ubat-ubatan bila kita dah selamat. Selamatkan diri *dulu* [dahulu] baru selamatkan orang lain.

MA Adakah cikgu sempat menyelamatkan barang penting contohnya dokumen pengenalan diri, sijil dan rekod pelajaran murid?

EA Kami pentadbiran yang buat Sekolah Kebangsaan Kuala Krai yang berada di tingkat satu jadi *tak* [tidak] ditelenggami banjir *tapi* [tetapi] kami pindahkan daripada tingkat satu kepada tingkat lebih tinggi supaya tidak kena. Contohnya macam dokumen. Biasanya kami simpan dalam komputer *tapi* [tetapi] komputer kalau kena air rosak jadi kami pingahkan ke tingkat dua.

MA Berapakah jumlah bilik kelas dan ruang kerja yang terkesan akibat banjir tersebut.

EA Yang terlibat dengan banjir aras satu ada dalam dua belas kelas.

MA Adakah struktur bangunan sekolah masih kekal sama ataupun terdapat perubahan yang

dilakukan?

EA Jadi perubahan struktur yang dilakukan disebabkan kita *tak* [tidak] banyak ditelenggami air jadi tiada perubahan cuma macam saya cakap tadi pagar yang roboh ini dapat dipastikan oleh JKR (Jabatan Kerja Raya) untuk pemeriksaan.

MA Apakah antara fasiliti sekolah yang bernilai tinggi yang terjejas akibat banjir?

EA Fasiliti yang saya kata tadi yang terlibat dengan banjir hanya kawasan bawah iaitu padang, utiliti padang takraw terhakis dia punya padang. Cuma kita baiki digunakan untuk jangka masa panjang.

MA Adakah terdapat agensi-agensi lain yang datang ke sekolah untuk datang melihat struktur bangunan dan keperluan-keperluan lain?

EA Jadi yang bertanggungjawab ialah Jabatan Kerja Raya, JKR jadi yang pertama datang lagi ke arah untuk pastikan kerosakan penilaian dari semua. Walaupun benda *ni* [ini] berlaku serentak. Alhamdulillah dalam masa dua minggu dia *mari* [datang] buat penilaian dan juga jenis kerosakan. Selepas *tu* [itu] segera turun untuk baik pulih.

## **Tamat Bahagian 9**

### **Bahagian 10 : Pesanan Dan Harapan**

MA Apakah harapan cikgu terhadap sekolah ini kepada masyarakat terutamanya negeri Kelantan?

EA Harapan saya untuk Sekolah Kebangsaan Kuala Krai *ni* [ini] ialah supaya masih dikekalkan kerana sekolah yang kata banyak menyumbang kepada masyarakat sekitar

dan juga dikatakan mercu tanda paling *tak* [tidak] ada penempatan orang asli jadi bersejarah di Kelantan merupakan salah satu sebuah sekolah yang terlibat dengan penempatan orang asli.

MA Apakah harapan cikgu terhadap sekolah ini kepada negara pada masa akan datang?

EA Harapan saya untuk sekolah ini akan lebih memainkan peranannya untuk membantu untuk membangun anak didik dan juga memberikan khidmat bantu kepada masyarakat sekitar dan juga dapat supaya teruskan pembangunan tanpa meninggalkan faktor sejarah ataupun budaya setempat untuk generasi akan datang.

MA Apakah harapan cikgu untuk sekolah ini meningkatkan prestasinya ataupun dikembangkan dari segi pembangunannya pada masa akan datang

EA Saya yakin Sekiranya mempunyai peluang. Sekolah Kebangsaan Kuala Krai ini akan berkembang seiring dengan sekolah-sekolah lain dan juga dengan adanya pengurusan yang lebih cekap dan juga kerjasama semua pihak serta meununjukkan cikgu untuk meningkatkan kecemerlangan pelajar jadi. Yang penting kesedaran itu adalah lahir daripada bermula daripada pengurusan dan juga cikgu-cikgu serta kakitangan sekolah disamping juga matlamat untuk meningkatkan kecemerlangan sekolah itu bukan sahaja berdasarkan kepada satu pihak sahaja tetapi semua pihak.

MA Pada pendapat cikgu, adakah sejarah sekolah kebangsaan kuala krai ini perlu dijadikan sejarah bernilai tinggi kepada negeri dan juga kebangsaan?

EA Pada pandangan saya SK Kuala Krai (Sekolah Kebangsaan Kuala Krai) *ni* [ini] boleh

dijadikan contoh sejarah untuk generasi yang akan datang. Disebabkan kita kawasan sekolah itu sendiri dan juga sejarah penubuhan sekolah sendiri dan juga pencapaian sekolah pun menggunakan memberangsangkan dari segi akademik dan kurikulum adalah perlu kita tampilkan kecemerlangan sekolah untuk di masa akan datang sebagai peringatan dan juga untuk untuk peringkat masyarakat masyarakat.

- MA Bagaimana pula dengan harapan cikgu kepada agensi atau pihak-pihak yang menguruskan bangunan Sekolah Kebangsaan Kuala Krai?
- EA Yang terlibat seperti Jabatan Pendidikan sendiri ialah untuk peningkatan dari segi akademik. Pencapaian akademik dan kurikulum Sekolah Kebangsaan Kuala Krai kerana sesuai dengan kawasan Kuala Krai ini diberi sempena dengan kawasan setempat di Kuala Krai jadi itu merupakan faktor penanda aras untuk sekolah di negeri Kelantan.
- MA Apakah pendapat cikgu terhadap sambutan masyarakat setempat terhadap guru-guru di Sekolah Kebangsaan Kuala Krai semasa tragedi banjir berlaku?
- EA Harapan masyarakat memang Sekolah Kebangsaan Kuala Krai *ni* [ini] sebagai kawasan pemindahan merupakan tempat berlindung dari segi kedudukan geografi tadi tempat yang tinggi lagi perlulah diberi sedikit penambahbaikan untuk menyediakan tempat khas sebagai tempat perlindungan atau tempat pemindahan mangsa mangsa banjir dan juga saya berharap supaya JPAM (Jabatan Pertahanan Awam), seperti Jabatan Bomba mengambil satu inisiatif untuk membantu Sekolah Kebangsaan Kuala Krai untuk menyediakan tempat sebagai *saja* [sahaja] untuk persiapan tempat banjir tetapi untuk menghadapi bencana yang lain

MA Akhir kata, boleh cikgu memberikan beberapa patah kata tentang sokongan dan cadangan untuk menambah baik bangunan Sekolah Kebangsaan Kuala Krai?

EA Terima kasihlah di atas soalan yang diberikan. Tadi ada pandangan saya, kami sebagai warga pendidik dan berharap supaya kerajaan memikirkan langkah-langkah keselamatan dan juga langkah-langkah mengelak berlakunya bencana dan memberi latihan kepada yang berterusan kepada pegawai-pegawai. Khususnya akan kepada kakitangan Sekolah Kebangsaan Kuala Krai yang dijadikan tempat pemindahan banjir dan juga kita bagaimana untuk menghadapi suasana banjir ataupun bencana yang mungkin berlaku dan semasa saya berharaplah supaya semua jabatan terlibat untuk kata membantu banyak menghadapi bencana ni untuk menjaga kebersamaan. Jangan mengharapkan sekolah semata-mata tanpa bantuan jabatan-jabatan lain ataupun NGO-NGO (Non-Government Organization) lain. Kami tidak mampu.

MA Apakah cikgu berharap agar sekolah ini menjadi ikon dalam negeri Kelantan?

EA Terima kasih. Untuk harapan jadi ikon negeri sesuatu yang perlu diusahakan. Cuba kita tengok kalau kelebihan yang berada di Sekolah Kebangsaan Kuala Krai melibatkan orang asli jadi apa salah kiranya Sekolah Kebangsaan Kuala Krai ni menengahkan mempamerkan adat budaya orang asli, contohnya bersewang. Jadi bagaimana masyarakat orang asli mengadakan keramaian dari benda-benda macam ni perlu diketengahkan di hadapan masyarakat supaya generasi baru dia *tau* [tahu] orang asli ni bila pada majlis mereka jadi jabatan orang asli sendiri boleh mengambil inisiatif bersama dengan jabatan pendidikan. Saya rasa adat dan budaya ni boleh dikembangkan bukan setakat peringkat negeri Kelantan sahaja tetapi boleh kita pamerkan ke peringkat

dunia sebab orang asli ni budaya dia memang you ni bukan kita boleh adakan kerjasama dengan Jabatan Jabatan Kebudayaan dan Sukan. Jadi apa salahnya Sekolah Kebangsaan Kuala Krai sudah ada asli sudah ada orang aslinya dan budayanya jadi ambil inisiatif untuk buat kerjasama. Mungkin video pendek untuk dia punya acara bersewang contoh ataupun budaya-budaya lain yang boleh kita ketengahkkan untuk dipamerkan untuk kita kongsi bersama sebab negara kita mempunyai berbilang bangsa lain kali kita cuba ketengahkan kebudayaan orang asli.

MA Apakah pesanan ataupun nasihat cikgu kepada orang awam tentang kepentingan Sekolah Kebangsaan Kuala Krai ini?

EA Dari Pandangan saya di Kuala Krai juga saya selain pada orang asli kita harap lah masyarakat supaya bekerjasama untuk meningkatkan pencapaian akademik lah. Jadi secara tak langsung tahap ekonomi bagi setiap kaum khususnya kaum Melayu kita bawa di SK Kuala Krai (Sekolah Kebangsaan Kuala Krai) kepada bukan sahaja kaum Melayu ada juga kaum Cina dan India yang bersekolah. Kerana kami di Kuala Krai ada Cina ada India jadi secara tak langsung ia batu asas untuk muafakat untuk perdamaian untuk kaum Cina ataupun kita titipkan kaum ni supaya lebih terjamin pada masa akan datang.

MA Masih terdapat sekolah di negeri Kelantan sejarah dan tidak ini mempunyai nilai sejarah dan tidak mendapat sambutan. Apakah pandangan cikgu berkenaan perkara tersebut?

EA Pada pandangan saya, benda macam ni yang perlu kita tangani bersama supaya kita kena ada kerjasama dengan agensi-agensi seperti isu mahupun negara untuk kitakekalkan lagi apa yang ada supaya generasi yang mendatang yang tidak melupai sejarah

negara kita. Kuala Krai sendiri kita ada bangunan lama sebagai contoh jadi bangunan lama diperbuat daripada kayu yang berusia antara ratusan tahun jadi sukar ditemui sekarang untuk bangunan-bangunan yang dibina diperbuat daripada kayu. Yang kayunya melebihi seratus tahun dan sehingga sekarang masih lagi digunakan maksudnya benda sejarah macam *ni* [ini] perlu kita tetapkan dan juga boleh untuk mengatakan warisan namanya warisan Melayu.

- MA Apakah yang cikgu rasa perlu ada di Sekolah Kebangsaan Kuala Krai ini untuk menarik minat orang ramai untuk mengetahui sejarah?
- EA Kalau di SK Kuala Krai (Sekolah Kebangsaan Kuala Krai) *ni* [ini] kita terkenal dengan orang asli jadi untuk mempromosikan kaum asli ni perlu kerjasama jabatan orang asli dari segi kebudayaan tadi. Jadi keluarkan, kita pamerkan. Mungkin Jabatan Orang Asli dengan kerjasama Jabatan Pendidikan boleh cuba lahirkan cerita pendek atau drama yang untuk kita ketengahkan kepada masyarakat bukan sahaja di Malaysia tetapi juga masyarakat sebagai contoh budaya tadi ada juga mungkin budaya ada keramaian. Budaya-budaya buat macam mana dia bersukan jadi kerjasama bagaimana kita melahirkan jaguh, jadi cerita-cerita penting macam ni penting untuk kita amalkan untuk sebagai motivasi dan juga sebagai sejarah untuk sekolah kita menaikkan balik kebudayaan diperingkat lebih tinggi.
- MA Pada pendapat cikgu apakah aktiviti yang perlu dilaksanakan di sekolah kepada orang ramai untuk mengajak untuk memperingati sejarah terdahulu ataupun sejarah banjir yang berlaku?

EA Mungkin aktiviti ni kita boleh laksanakan di peringkat yang lebih tinggi contohnya seperti minta daerah ataupun kawasan sendiri contohnya baru ni Kuala Krai dipilih sebagai pusat pelancaran program Hari Guru peringkat negeri Kelantan jadi di dalam majlis tersebut Mungkin kita selain daripada tarian orang asli kita Perkenalkan. jadi kita boleh buatkan juga dengan pengisahan berkenaan peristiwa penting jadi telah memainkan peranan yg dimainkan oleh cikgu-cikgu yang aktiflah bagaimana kita nak melahirkan suasana atau mengingati sesuatu peristiwa. Apa salah kiranya kalau kita buat pentomin contoh nak jadi cikgu. Buat drama berdasarkan peristiwa banjir, kita gambarkan bagaimana suasana banjir pada tahun tersebut kita boleh gunakan situasi ini untuk program-program yang lebih besar. Bila ada program macam ni kita mungkin kita boleh buat kerjasama dengan RTM (Radio Televisyen Malaysia) untuk kita sebarkan dan war-warkan bukan sekadar dari peringkat daerah *saja* [sahaja] tetapi lebih pada negara yang pernah dipamerkan lebih luas lagi lah melalui pencapaian aktiviti untuk kita pun dia nak naikkan dalam YouTube (perkhidmatan penghehosan video).

MA Jadi apakah pesanan cikgu kepada pelajar dan para penyelidik berkenaan bagaimana sekolah kuala krai ini?

EA Pada pengalaman yang saya lalui di SK Kuala Krai (Sekolah Kebangsaan Kuala Krai) saya berharap supaya boleh dijadikan iktibar untuk semua. Kita kena tengok dari segi kebaikan dia dan juga apa-apa pengajaran ataupun kita ambil iktibar daripada setiap kejadian. Apakah tindakan kita hadapi semasa kejadian, apakah tindakan yang kita lakukan dan selepas kejadian. Jadi persiapan kita sebelum kejadian mungkin dengan pendengar-pendengar ataupun bakal-bakal pendidik selepas ini boleh mengambil iktibar

dari pada peristiwa banjir dua ribu empat belas ini untuk kita renung bersama untuk kita tenang bersama untuk kita jadikan dia sebagai pengajaran untuk di masa-masa akan datang berlakunya bencana banjir ataupun apa-apa peristiwa yang mungkin berlaku. Nanti kita kena bersedia untuk menghadapinya diibaratkan sebagai orang kata sediakan payung sebelum hujan. Jadi kita menyediakan mengambil langkah sebelum berlaku sesuatu perkara kita mengambil kita kena redha. Setiap Allah yang diberi kepada Kita semua satu ujian langkah. Mungkin kita patut buat dengan erti kata lain kita bersedia sebelum kejadian di sini. Mungkin pengajaran untuk masa-masa hadapan kita kena sentiasa peka atau pun berfikir sebelum kejadian. Apakah tindakan yang kita lakukan. Bagaimanakah persiapan kita. Bagi pandangan saya dengan peristiwa banjir besar pada tahun dua ribu empat belas merupakan ujian Allah adalah kepada masyarakat kepada pihak saya sendiri dan juga mungkin pendengar-pendengar seperti ini untuk kita tengok dan juga kita renung balik kenapa kejadian ini berlaku apakah kebaikan ataupun apakah langkah-langkah yang kita mungkin hadapi bersama sebagai contoh katakan sebelum berlaku kejadian

MA Terima kasih dari pihak kami berdua kerana cikgu sudi meluangkan masa dan memberi kerjasama untuk di temu ramah

### **Tamat Bahagian 9**

Demikian selesai sudah sesi temubual ini, ribuan terima kasih yang tidak terhingga kami ucapkan kepada **Cikgu Mohd Azmi Mat Nor** atas kerjasama dan keperihatinan beliau dalam berkongsi **sejarah bangunan di Sekolah Kuala Krai**. Semoga hasil rakaman ini akan

memberikan manfaat kepada pendengar, penyelidik dan generasi akan datang. Sekian.

## **Rujukan**

( Mohd Azmi Mat Nor, komunikasi peribadi, Mei 10, 2019)

# **LAMPIRAN**

Gambar 1: Muhammad Aiman Anuar dan Encik Mohd Azmi Mat Nor

Gambar 2: Nur Izzati Hanapi dan Encik Mohd Azmi Mat Nor

Gambar 3: Keadaan Banjir di Sekolah Kebangsaan Kuala Krai

Gambar 4: Keadaan Banjir di Sekolah Kebangsaan Kuala Krai

## Log Wawancara

Berikut merupakan temubual sejarah lisan yang telah dijalankan oleh Muhammad Aiman Bin Anuar dan Nur Izzati Binti Hanapi bersama cikgu Mohd Azmi Mat Nor yang sekarang merupakan Guru Besar di Sekolah Kebangsaan Chantum, Bachok, Kelantan. Temubual ini dijalankan pada 10 Mac 2019, bersamaan hari Jumaat di rumah beliau. Temubual yang dijalankan adalah mengenai sejarah bangunan di Sekolah Kebangsaan Kuala Krai.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
<b>BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG ORANG DITEMUBUAL</b>		
0.10	Biodata dan latar belakang cikgu Mohd Azmi Mat Nor	Mohd Azmi Mat Nor Cikgu Matematik Tahun 4  9 adik-beradik  Tempat tinggal (Kampung Air Terjun, Pasir Putih)  Tempat asal (Bachok)  Menanam tumbuh-tumbuhan  Idola (Tuan Haji Mat Rudin, Pengetua SK Jelawat)
<b>BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN</b>		
4.20	Latar belakang pendidikan	Sekolah Rendah Kebangsaan Jelawat

	cikgu Mohd Azmi Mat Nor	Tingkatan 1-5 (Sekolah Menengah Jelawat)  Tingkatan 6 (Sekolah Menengah Bachok)  Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Open University Malaysia)
<b>BAHAGIAN 3 : PENGALAMAN PEKERJAAN</b>		
14.46	Pengalaman dan pencapaian bidang pekerja	Operator kilang PROTON  Cikgu Sekolah Kebangsaan Kota Perdana, Muadzam, Pahang  Cikgu Sekolah Kebangsaan Keratong 8, Muadzam, Pahang  Cikgu Sekolah Kebangsaan Kuala Krai, Kuala Krai, Kelantan  Jurulatih Utama (ABAKES)(SEMPUA) Tahun 1 -Tahun 3  Fasilinus PPD Bachok  Guru Besar SK Chantum  25 Tahun pengalaman
<b>BAHAGIAN 4 : LATAR BELAKANG SEKOLAH</b>		
25.21	Latar belakang Sekolah Kebangsaan Kuala Krai	Diklasifikasikan Sebagai Sekolah Luar Bandar  4 Blok  400 Orang Murid  Ditubuhkan Pada Tahun 1965

		Diasaskan Oleh Bekas Pegawai Daerah Menteri Pendidikan (Dr Mahathir) Asrama Penempatan Orang Asli Kos Peminaan 1 Juta Bangunan Konkrit Rezab Zoo Negara Tempoh Pembinaan 3 Tahun Menjadi Pusat Pemindahan Banjir
<b>BAHAGIAN 5: MAKLUMAT MENGENAI BANGUNAN</b>		
40.04	Maklumat bangunan Sekolah Kebangsaan Kuala Krai	35 kelas  24 jam pengawal keselamatan  1 surau  32-33 orang cikgu
<b>BAHAGIAN 6: REKA BENTUK BANGUNAN</b>		
47.17	Reka bentuk Sekolah Kebangsaan Kuala Krai	Spesifikasi oleh JKR  1 bangunan lama, 3 bangunan baru  Pembinaan idea bersama cikgu-cikgu lama dan pihak JKR
<b>BAHAGIAN 7: AKTIVITI DAN PERKHIDMATAN</b>		
50.13	Aktiviti dan sumbangan di Sekolah Kebangsaan Kuala Krai	Kokurikulum dan akademik  Sukan dan permainan setiap tahun

		Mengajar disiplin, pembelajaran dan kehidupan  Mewakili peringkat daerah dan negeri dalam sukan sepak takraw
--	--	--

#### **BAHAGIAN 8: MAKLUMAT ANUGERAH DAN KEJAYAAN**

53.24	Anugerah dan kejayaan dicapai Sekolah Kebangsaan Kuala Krai	Mewakili Sepak Takraw dan Bola Sepak peringkat daerah dan negeri  Dokumentari hari guru peringkat negeri  kajian rintis program PIMPIN
-------	---	--

#### **BAHAGIAN 9: PENGALAMAN BANJIR**

58.00	Peristiwa banjir di Sekolah Kebangsaan Kuala Krai	Mengembalikan kepada operasi sebulan  Aras tertinggi tingkat satu dalam masa 1 jam  Pada jam petang 3-4  10 keluarga dipindahkan ke Sekolah Kebangsaan Kuala Krai  Perubahan dari segi struktur tanah  Terlibat Bomba, Polis, JPA,, Jabatan Pendidikan  Berhubung melalui WhatsApp  Rumah-rumah tenggelam  Pertama kalinya yang dihadapi  Kebanyakkan guru dan murid berada di
-------	---	--

		<p>rumah</p> <p>Diberi cuti sempena cuti peristiwa</p> <p>Air surut seminggu</p> <p>Tidak ada kehilangan nyawa</p> <p>Program 3M keselamatan dan kebersihan dan kecemasan</p> <p>Melalui rancangan televisyen ataupun makluman berita</p> <p>12 kelas terlibat dengan banjir</p>
--	--	--

#### **BAHAGIAN 10 : PESANAN DAN HARAPAN**

90.00	Pesanan dan harapan cikgu Mohd Azmi Mat Nor	<p>Sekolah Kebangsaan Kuala Krai dikekalkan</p> <p>Membantu untuk membangun anak didik</p> <p>Meningkatkan kecemerlangan pelajar</p> <p>Contoh sejarah untuk generasi yang akan datang</p> <p>Sekolah kuala krai kawasan pemindahan</p> <p>Inisiatif untuk membantu sekolah kebangsaan kuala krai untuk menyediakan tempat perlindungan bencana</p> <p>Batu asas untuk muafakat untuk perdamaian untuk kaum</p> <p>Berharaplah supaya boleh dijadikan iktibar</p>
-------	---	---

		untuk semua
--	--	-------------

## **Diari Kajian**

Masa	Tarikh	Perkara	Tindakan
9.00 AM	14 March 2019	Kajian penyelidikan mengenai bangunan bersejarah di Kelantan	Kami sedang mencari melalui internet untuk mencari tempat yang paling sesuai untuk sesi temu duga dan mendapati bahawa kawasan Kuala Krai adalah salah satu tempat bersejarah yang paling terkenal yang disebabkan oleh banjir besar yang berlaku pada tahun 2014 yang memaksakan sebahagian besar kawasan terutamanya sekolah.
8.00 AM	26 March 2019	Selepas cadangan kami diluluskan, kami mencari kenalan kepada Sekolah Kebangsaan Manek Urai, yang kami sediakane.	Kami berjaya mencari nombor telefon pejabat mereka dan membuat panggilan bercakap dengan prinsip sekolah dan salah seorang kerani di pejabat sekolah dan memberitahu mereka tujuan kami belajar dan dia mencadangkan untuk menghubungi lagi Encik Mohd Syukri Mohamad, salah seorang guru di Sekolah Kebangsaan

			Manek Urai
2.00 PM	26 March 2019	Membina soal selidik untuk sesi wawancara	Kami menggunakan artikel akademik dan juga transkrip sejarah lisan sebelum ini sebagai rujukan kami untuk membina soal selidik yang akan ditanya pada sesi wawancara untuk menjadikannya mudah difahami dan unik
1.30 PM	9 April 2019	Muktamadkan soal selidik kami dengan perundingan daripada puan dan maklumat yang diperlukan untuk sesi wawancara	Kami menghantar e-mel surat kebenaran dari UiTM dan kuesioner kepada Encik Mohd Syukri Mohamad untuk memaklumkan kepadanya tentang kajian kami dan sebagai persediaan baginya. Kami juga membuat panggilan untuk mengemaskini mengenai e-mel yang kami hantar untuk memastikan dia menerima.
10.00 AM	17 April 2019	Kami menerima panggilan dari Sekolah Kebangsaan Manek Urai yang memberi kami nombor telefon Encik Mohd Syukri Mohamad	Kami memanggilnya dan memberitahu tujuan kami untuk belajar dan meminta izinnya dan memintanya untuk membantu kami dalam sesi wawancara kami dan dia bersetuju dan mengambil e-melnya
11.00 AM	22 April 2019	Pengesahan tarikh sesi temuduga yang kami	Kami memanggil Encik Mohd Syukri Mohamad untuk

		cadangkan akan diadakan pada 2 Mei 2019	memaklumkan kepadanya mengenai tarikh cadangan kami dan dia akan menjawab permintaan kami esok
9.00 AM	23 April 2019	Menerima maklum balas daripada Encik Mohd Syukri Mohamad mengenai tarikh temubual	Beliau berkata bahawa dia tidak ada pada 2 Mei 2019 kerana ia bertembung dengan program sekolah yang dia perlu mengambil bahagian dan mencadangkan pada 4 Mei 2019 dan kami bersetuju
8.00 AM	4 May 2019	Pengesahan kunjungan kami	Sekali lagi kami memanggil Encik Mohd Syukri Mohamad untuk mengingatkan sesi wawancara yang akan diadakan pada tarikh itu untuk memastikan tiada masalah berlaku.
10.00 AM	4 May 2019	Pergi ke Sekolah Kebangsaan Manek Urai untuk berjumpa dengan Encik Mohd Syukri Mohamad untuk sesi wawancara	Berangkat dari UiTM Machang ke Sekolah Kebangsaan Manek Urai yang mengambil masa hampir 2 jam menggunakan kereta
2.50 PM	4 May 2019	Kami tiba di Sekolah Kebangsaan Manek Urai	Sesi wawancara bermula kira-kira 1 jam dan 25 minit dengan Encik Mohd Syukri Mohamad dan ia adalah perjalanan yang mencabar kerana kita menghadapi lalu lintas yang macet selama kira-kira 10 kilometer di Kuala Krai
10.00 AM	5 May 2019	Tidak berpuas hati dengan tempoh masa yang tidak memenuhi keperluan sesi	Kami menghubungi puan dan memberitahu bahawa kami ingin menukar tempat wawancara kami

		wawancara untuk penilaian kerana banyak soalan yang tidak dapat dijawab kepadanya. (125 dari 133 soalan dapat dijawab)	dari Sekolah Kebangsaan Manek Urai ke Sekolah Kebangsaan Kuala Krai dan dia diluluskan
9.00 AM	6 May 2019	Mendapatkan salah satu bekas guru yang pernah mengajar di Sekolah Kebangsaan Kuala Krai selama 11 tahun untuk memberitahu kami tentang Sekolah Kebangsaan Kuala Krai	Kami menghubungi terus kepada Encik Mohd Azmi Mat Nor, kini prinsip di Sekolah Kebangsaan Chantum untuk meminta izinnya dan menjelaskan keadaan kami dan beliau bersetuju untuk membantu kami menyelesaikan sesi wawancara kami. Kami kenal dia dari program kami dahulu yang dia tahu tentang penilaian ini dan sekali menawarkan kami untuk membantu.
2.00 PM	6 May 2019	Perubahan soal selidik dan penyerahan	Selepas menamatkan penukaran soal selidik kami, kami segera menghantar surat izin dari UiTM dan soal selidik kepada Encik Mohd Azmi Mat Nor untuk memberikan pandangan jelas tentang keperluan wawancara dan dia memberitahu bahawa akan menetapkan tarikh dan masa esok untuk sesi wawancara kami
2.00 PM	6 May 2019	Menerima maklum balas daripada Encik Mohd Azmi Mat Nor mengenai sesi wawancara kami	Beliau memberitahu kami bahawa pada 7 hingga 9 Mei, beliau akan sibuk mengendalikan program dengan sekolah dan ingin

			menjemput kami ke rumahnya pada 10 Mei 2019 dari sesi wawancara dan kami bersetuju.
8.00 AM	10 May 2019	Kami berlepas dari UiTM Machang ke Pasir Puteh (rumah Encik Mohd Azmi Mat Nor) yang mengambil masa kira-kira 1 jam (135 daripada 135 soalan dapat dijawab)	Kami memulakan sesi wawancara pada jam 9.15 pagi yang berlangsung selama 3 jam untuk menyelesaikan 2 jam sesi wawancara. Ia adalah pengalaman yang hebat berbanding pergi ke Sekolah Kebangsaan Manek Urai kerana trafik lebih pantas dan lancar

## **Set Soalan Temubual**

### **Bahagian 1: Latar Belakang Orang Ditemubual**

- 1 Apakah nama penuh cikgu?
- 2 Bolehkah cikgu ceritakan tentang pekerjaan sebagai cikgu subjek apa?
- 3 Bolehkah cikgu ceritakan tentang sejarah latar belakang keluarga cikgu seperti nama ibu ayah cikgu dan cikgu anak yang ke berapa?
- 4 Bolehkah cikgu ceritakan lebih lanjut tentang adik beradik cikgu?
- 5 Dimanakah tempat tinggal cikgu sekarang dan mengapa cikgu membuat keputusan untuk terus menetap di tempat tersebut?
- 6 Dari manakah cikgu berasal?
- 7 Apakah hobi cikgu pada waktu lapang?
- 8 Siapakah idola cikgu, dan ceritakan lebih lanjut kenapa cikgu memilih dia sebagai idola cikgu?

### **Bahagian 2: Sejarah Pendidikan**

- 9 Mengenai sejarah pendidikan cikgu, bolehkah cikgu ceritakan mengenainya seperti dimana cikgu bersekolah dan nama sekolah yang cikgu pernah menuntut?
- 10 Adakah cikgu aktif melibatkan diri semasa sekolah dahulu?
- 11 Bolehkah cikgu ceritakan serba sedikit tentang keadaan pendidikan semasa cikgu bersekolah dahulu?
- 12 Soalan seterusnya, apakah pengalaman yang paling cikgu tidak dapat lupakan semasa di alam persekolahan?
- 13 Bagaimana pula dengan matapelajaran cikgu minati semasa di sekolah maksud kami cikgu dalam aliran apa dan matapelajaran yang paling cikgu minati
- 14 Kami difahamkan cikgu telah menyambung pelajaran, bolehkah cikgu ceritakan sedikit tentang mengenainya
- 15 Pada pandangan cikgu apakah peluang pekerjaan yang berkaitan dengan bidang pengajian yang cikgu pilih itu?
- 16 Sepanjang di universiti adakah cikgu aktif melibatkan diri dengan aktiviti anjuran universiti?
- 17 Sepanjang cikgu belajar di sana pernahkah cikgu mendapat sebarang anugerah?
- 18 Apakah pengalaman yang paling cikgu tidak dapat lupakan semasa menuntut di

universiti tersebut?

19 Setelah tamat ijazah adakah cikgu melanjutkan lagi pelajaran?

20 Apakah prinsip hidup cikgu?

### **Bahagian 3 : Pengalaman Pekerjaan**

21 Dari segi pengalaman pekerjaan adakah cikgu bekerja selepas tamat pengajian?

22 Dimanakah cikgu bekerja dahulu masa pekerjaan pertama?

23 Berapa tahun pengalaman cikgu semasa bekerja?

24 Apakah jawatan yang cikgu pegang sewaktu mula bekerja dahulu?

25 Seterusnya, bagaimanakah cikgu boleh bekerja di sini?

26 Adakah tugas sebagai guru ini menjadi cita-cita cikgu dan mengapa?

27 Apakah bidang tugas cikgu disini?

28 Boleh cikgu ceritakan tentang pencapaian tertinggi yang cikgu perolehi semasa bekerja disini?

29 Sebelum menceburi cikgu perguruan, apakah bidang lain yang cikgu ceburi dalam bidang kerjaya?

### **Bahagian 4 : Latar Belakang Sekolah**

30 Boleh cikgu ceritakan serba sedikit tentang latar belakang Sekolah Kebangsaan Kuala Krai?

31 Mengapakah sekolah ini ditubuhkan?

32 Siapakah pengasas Sekolah Kebangsaan Kuala Krai?

33 Siapakah perasmi Sekolah Kebangsaan Kuala Krai?

34 Dimanakah tapak bangunan sekolah ini waktu pertama kalinya?

35 Bagaimana tercetusnya idea untuk menubuhkan Sekolah Kebangsaan Kuala Krai?

36 Dimanakah lokasi sebenar sekolah ini?

- 37 Bilakah tarikh rasmi Sekolah Kebangsaan Kuala Krai telah dibuka?
- 38 Berapakah anggaran kos penubuhan sekolah ini?
- 39 Apakah objektif awal penubuhan sekolah ini?
- 40 Boleh cikgu ceritakan sedikit berkaitan struktur pembinaan sekolah ini?
- 41 Apakah kemudahan awal yang disediakan pada masa tersebut?
- 42 Apakah nama gelaran sekolah, maksud saya nama glamour (terkenal) dan sebagainya
- 43 Apakah kawasan sebenar disini sebelum sekolah ini ditubuhkan?
- 44 Mengapakah kawasan ini dipilih?
- 45 Berapa lamakah masa diambil untuk menyiapkan sekolah ini?
- 46 Berapakah anggaran keluasan keseluruhan kawasan sekolah?
- 47 Adakah Sekolah Kebangsaan Kuala Krai sering dijadikan kawasan pemindahan banjir dan kenapa?

Dimanakan bahagian yang sering dijadikan pusat pemindahan banjir di dalam kawasan sekolah?

- 48 **Bahagian 5: Maklumat Mengenai Bangunan**
- 49 Berapakah keluasan terkini Sekolah Kebangsaan Kuala Krai?
- 50 Berapakah bilangan ruang solat dalam Sekolah Kebangsaan Kuala Krai ini?
- 51 Berapakah anggaran purata murid di Sekolah Kebangsaan Kuala Krai?
- 51 Berapakah bilangan bilik yang disediakan dalam Sekolah Kebangsaan Kuala Krai ini?
- 53 Berapakah kos pembiayaan keseluruhan yang melibatkan operasi Sekolah Kebangsaan Kuala Krai?
- 54 Berapakah anggaran kuantiti untuk kemasukkan penuh murid ke Sekolah Kebangsaan Kuala Krai?

55 Boleh cikgu anggarkan kuantiti kemasukkan kereta untuk parkir dalam Sekolah Kebangsaan Kuala Krai?

56 Boleh cikgu anggarkan kuantiti kemasukkan motorsikal untuk parkir dalam Sekolah Kebangsaan Kuala Krai?

57 Berapakah guru yang diperlukan oleh Sekolah Kebangsaan Kuala Krai ini?

Apakah ciri-ciri keselamatan yang digunakan dalam Sekolah Kebangsaan Kuala Krai ini?

**58 Bahagian 6: Reka Bentuk Bangunan**

59 Apakah konsep seni reka bina Sekolah Kebangsaan Kuala Krai ini?

60 Apakah yang menjadikan Sekolah Kebangsaan Kuala Krai ini bernilai istimewa?

61 Warna apakah yang terlibat dalam seni reka Sekolah Kebangsaan Kuala Krai?

62 Siapakah yang menyumbangkan idea dalam seni reka bangunan ini?

Apakah plan terkini untuk masa hadapan berkenaan struktur Sekolah Kebangsaan Kuala Krai ini?

**63 Bahagian 7: Aktiviti Dan Perkhidmatan**

64 Aktiviti apakah yang selalu dilakukan di Sekolah Kebangsaan Kuala Krai?

65 Aktiviti apakah yang wajib diadakan setiap tahun?

66 Apakah sumbangan Sekolah Kebangsaan Kuala Krai ini kepada masyarakat di Kuala Krai?

Apakah sumbangan Sekolah Kebangsaan Kuala Krai ini kepada negeri Kelantan?

**67 Bahagian 8: Maklumat Anugerah Dan Kejayaan**

68 Berapa anugerah yang diperolehi oleh Sekolah Kebangsaan Kuala Krai ini?

69 Berapa kali Sekolah Kebangsaan Kuala Krai ini telah didokmentarikan di media massa?

70 Apakah kejayaan yang paling memberi impak kepada Sekolah Kebangsaan Kuala Krai?

Apakah faktor utama untuk Sekolah Kebangsaan Kuala Krai mendapat sesebuah kejayaan itu?

- 71 **Bahagian 9: Pengalaman Banjir**
- 72 Berapa lamakah masa diambil untuk membaik pulih sekolah ini?
- 73 Berapa lamakah masa yang diambil untuk air sampai di aras yang tertinggi?
- 74 Pada jam berapakah air mula naik di kawasan sekolah ini?
- 75 Barapakah anggaran keseluruhan individu yang berada di kawasan sekolah pada waktu air mula naik?
- 76 Apakah kesan jangka panjang tragedi banjir yang terjadi pada 2014?
- 77 Apakah sukarelawan organisasi yang terlibat dalam membaik pulih sekolah ini?
- 78 Mengenai pengalaman banjir yang cikgu hadapi, adakah cikgu sudah menjangka bahawa akan berlaku banjir besar pada tahun 2014?
- 79 Bagaimanakah Sekolah Kebangsaan Kuala Krai menjadi salah satu tempat pemindahan banjir?
- 80 Bagaimanakan mangsa banjir yang menetap di Sekolah Kebangsaan Kuala Krai menghubungi ahli keluarga di tempat lain?
- 81 Apakah yang diharapkan oleh cikgu semasa tragedi ini berlaku?
- 82 Apakah cikgu sudah membuat apa-apa persiapan untuk menghadapi banjir tersebut?
- 83 Seingat cikgu, sudah berapa kali cikgu mengalami banjir?
- 84 Boleh cikgu ceritakan suasana ketika banjir di sekitar sekolah cikgu?
- 85 Kiranya ni kali pertama cikgu mengalami banjir yang terbesar?
- 86 Pada hari apa dan waktu apa air naik dan masuk ke dalam rumah cikgu?
- 87 Apa yang cikgu sedang lakukan pada sebelum air naik dan masuk ke sekolah?
- 88 Adakah semua guru dan murid berada di sekolah ketika itu?

- 89 Kebetulan Hari itu ialah cuti kebanyakkan guru dan murid berada di rumah masing-masing cuma bila air makin naik baru hadir ke sekolah untuk pemindahan
- 90 Apakah perasaan cikgu ketika itu?
- 91 Adakah cikgu perlu berpindah pada masa itu dan dimanakah tempat tinggal sementara cikgu?
- 92 Semasa banjir tersebut, adakah terdapat mana-mana pihak datang memberi bantuan kepada cikgu contohnya dari segi pakaian dan sebagainya?
- 93 Semasa banjir, adakah cikgu tetap pergi bekerja atau diberikan cuti?
- 94 Apakah langkah-langkah keselamatan yang diambil semasa tragedi banjir tersebut?
- 95 Berapa lama cikgu diberikan tempoh untuk bercuti disebabkan banjir?
- 96 Berapa lama masa untuk air banjir tersebut surut?
- 97 Bagaimana keadaan pelajar cikgu selepas banjir tersebut surut?
- 98 Bagaimana keadaan sekolah selepas waktu banjir?
- 99 Apakah kerosakan yang paling ketara berlaku di sekolah cikgu?
- 100 Apakah organisasi kerajaan dan NGO yang terawal mengambil tindakan terhadap tragedi banjir yang berlaku
- 101 Apakah proses-proses pembaikpulihan yang dilakukan sehingga hari ini?
- 102 Bagaimanakah cikgu boleh gambarkan emosi dan mental semasa menghadapi tragedi banjir ini?
- 103 Apakah pendapat cikgu berkenaan keselamatan bencana terhadap institusi pendidikan?
- 104 Berapa anggaran jumlah kerugian yang cikgu dan keluarga hadapi?
- 105 Adakah Sekolah Kebangsaan Kuala Krai sudah pulih seperti biasa pada waktu ini?
- 106 Boleh cikgu kongsikan pengalaman banjir orang terdekat dengan cikgu contohnya kawan-kawan cikgu?

- 107 Adakah banjir besar ini memberikan kesan kepada sekolah?
- 108 Bagaimana pihak Sekolah Kebangsaan Kuala Krai mendapat makluman bahawa banjir akan berlaku?
- 109 Apakah persiapan cikgu sekiranya banjir akan berlaku lagi seperti tahun 2014?
- 110 Adakah sekolah cikgu turut memberi sumbangan kepada mangsa-mangsa banjir yang lain?
- 111 Adakah cikgu sempat menyelamatkan barang penting contohnya dokumen pengenalan diri, sijil dan rekod pelajaran murid?
- 112 Berapakah jumlah bilik kelas dan ruang kerja yang terkesan akibat banjir tersebut
- 113 Adakah struktur bangunan sekolah masih kekal sama ataupun terdapat perubahan yang dilakukan?
- 114 Apakah antara fasiliti sekolah yang bernilai tinggi yang terjejas akibat banjir?

Adakah terdapat agensi-agensi lain yang datang ke sekolah untuk datang melihat struktur bangunan dan keperluan-keperluan lain?

#### **115 Bahagian 10 : Pesanan Dan Harapan**

- 116 Apakah harapan cikgu terhadap sekolah ini kepada masyarakat terutamanya negeri kelantan ?
- 117 Apakah harapan cikgu terhadap sekolah ini kepada negara pada masa akan datang?
- 118 Apakah harapan cikgu untuk sekolah ini meningkatkan prestasinya ataupun dikembangkan dari segi pembangunannya pada masa akan datang
- 119 Pada pendapat cikgu, adakah sejarah sekolah kebangsaan kuala krai ini perlu dijadikan sejarah bernilai tinggi kepada negeri dan juga kebangsaan?
- 120 Bagaimana pula dengan harapan cikgu kepada agensi atau pihak-pihak yang mengurus Sekolah Kebangsaan bangunan Sekolah Kebangsaan Kuala Krai?
- 121 Apakah pendapat cikgu terhadap sambutan masyarakat setempat terhadap guru-guru di

Sekolah Kebangsaan Kuala Krai semasa tragedi banjir berlaku?

- 122 Akhir kata, boleh cikgu memberikan beberapa patah kata tentang sokongan dan cadangan untuk menambah baik bangunan Sekolah Kebangsaan Kuala Krai?
- 123 Apakah cikgu berharap agar sekolah ini menjadi ikon dalam negeri Kelantan?
- 124 Apakah pesanan ataupun nasihat cikgu kepada orang awam tentang kepentingan Sekolah Kebangsaan Kuala Krai ini?
- 125 Masih terdapat sekolah di negeri kelantan sejarah dan tidak ini mempunyai nilai sejarah dan tidak mendapat sambutan. Apakah pandangan cikgu berkenaan perkara tersebut?
- 126 Apakah yang cikgu rasa perlu ada di Sekolah Kebangsaan Kuala Krai ini untuk menarik minat orang ramai untuk mengetahui sejarah?
- 127 Pada pendapat cikgu apakah aktiviti yang perlu dilaksanakan di sekolah kepada orang ramai untuk mengajak untuk memperingati sejarah terdahulu ataupun sejarah banjir yang berlaku?
- 128 Jadi apakah pesanan cikgu kepada pelajar dan para penyelidik berkenaan bagaimana sekolah kuala krai ini?



# **Indeks**

## A

Allah 12,14,40,51  
Akademik 6,9,46,48  
Arwah 3,5

## B

Bomba 12,32,38,40,46

## D

Dekan 7  
Diploma 8,15  
DO 19

## G

Geografi 46

## M

Master 8  
MPKRS 10  
Musibah 40  
Manek Urai 42,43

## N

NGO 5,15,19,31,35,37,39,40,47,50,51

## O

Objektif 20  
Option 2  
Orang Asli 30,31,45,47,48,49,50

## H

Hope 12

## I

Idola 3  
Ijazah 4,7,8  
Inisiatif 13,19,20,33,46,47,48  
Inggeris 18,19,31

## D

Ikon 47  
JAKOA 20  
JKR 25,27,28,44  
JPN 13,26  
JPAM 32,40,46  
Jepun 15,16,17,42

## K

Kota Perdana 10  
Kelantan 9,44,45,46,47,48,50  
Kota Bharu 9,14

## S

Sosial 7  
Spesifikasi 27  
SRP 14,15

## T

Tsunami 42

	U
P	Uniform 4,11,21,29,30,39
Pengakap 4	
PJJ 4	W
PHD 8	WhatsApp 34,42
PPD 9,12,13,26,33,39	
Pahang 10	Y
PROTON 14,15,16,17	Yahya Petra 18,19,23,24,25
Perak 17	YouTube 50
R	Z
Rizab 2	Zoo 19,22,23,24
Ribut Taufan 42	
RTM 50	
Redha 51	